ABUYA SYEIKH IMAM ASHAARI MUHAMMAD

Khabar gembira... Bila dengan tiba-tiba seorang Presiden bagi 150 juta Muslim menyertai kebangkitan Islam dari Timur!

PRESIDEN SOEHARTO IKUT JADUAL ALLAH



DISUSUN OLEH USTAZAH KHADIJAH AAM

ABUYA SYEIKH IMAM
ASHAARIMUHAMMAD

PRESIDEN SOEHARTO IKUT JADUAL ALLAH

ASOIB INTERNATIONAL LIMITED
LONDON • KUALA LUMPUR
1993

PRESIDEN SOEHARTO IKUT JADUAL ALLAH
Cetakan Pertama Ogos 1993

Diterbitkan oleh Penerbitan Abuya
163-A, Jalan Aminuddin Baki, Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Dengan izin Asoib International Limited
Suite 1, 281 City Road,
London EClV ILA.

Layout DTP dan Rekabentuk Kulit:
Unit Rekabentuk,
Bahagian Pengeluaran Minda Syeikhul Arqam,
Kuala Lumpur.

Muka taipteks: Stone Serif, 10 poin

Dicetak oleh
Percetakan CS, Kuala Lumpur

ISBN 983-810-004-2

"Buku ini untuk
Presiden Soeharto
dan umat Islam Indonesia
snta untuk pelepas rindu
dan penghilang resah
pejuang kebenaran. "

Kandungan

Dari Penerbit

PERKEMBANGAN terbaru di Indonesia, terutama selepas Presiden Soeharto mengumumkan kabinet barunya pada Ramadhan lalu, yang dianggotai oleh 90 peratus Menteri beragama Islam, menunjukkan Indonesia telah maju setapak lagi dalam arus kebangkitan Islam kini.

Bagi Abuya Syeikh Imam Ashaari Muhammad, perubahan wajah kabinet Indonesia mencerminkan perubahan diri peribadi Presiden Soeharto sendiri. Ini perlu dinilai secara positif dan tepat, agar segala perubahan yang berlaku dapat menguntungkan Islam dan umatnya.

Imam Ashaari dan jemaah Darul Arqam pimpinannya telah menjalin hubungan yang luas dengan semua pihak di Indonesia, dari pihak bawahan hingga pihak atasan termasuk pegawai pemerintah, cendekiawan, para ulama, pengusaha-pengusaha, pegawai-pegawai tentera dan menteri-menteri serta orang-orang yang rapat dengan Istana Presiden.

Melalui buku ini, Imam Ashaari menghurai dan mentafsir perkara-perkara yang tersirat di sebalik perubahan suasana pemerintahan di Indonesia. Huraian dan tafsiran

itu disokong dengan maklumat-maklumat semasa, yang sebahagiannya diperolehi hasil perhubungan peribadi dan silaturrahmi wakil-wakil Al Arqam dengan tokoh-tokoh penting Indonesia.

Buku ini amat berbeza dengan buku-buku lain yang bercorak politik kerana Imam Ashaari melihat setiap perkara dan peristiwa dari sudut yang tersendiri. Beliau memandang dengan pandangan mata hati yang tajam, menilai dengan penilaian sufi dan menghurai berdasarkan rasa hati yang tepat. Sentuhan beliau begitu halus dan mengesankan.

Prakata

الحمد لله رب العالمين الذي هدانا الى الصراط المستقيم بأن لا نكون من الضالين.
والصلاة والسلام على الرسول الكريم الذي أبان لنا السبيل القويم
وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم الى يوم الدين أما بعد.

SUDAH sekian lamanya umat Islam Indonesia khususnya para pejuang Islam, merintih menagih sebuah Negara Islam. Mereka merindui kehidupan Islam yang murni. Mereka mahu Al Quran dan Sunnah direalisasikan dalam kehidupan. Biarlah Al Quran dan Hadis dijadikan tempat rujuk perlembagaan dan pemerintahan oleh pemerintah Indonesia. Mereka mahu ALLAH dan Rasul mendapat tempat paling istimewa di bumi Indonesia. Biarlah nama ALLAH dan Rasul itu jadi paling agung dari segala. Pendek kata, umat Islam Indonesia ingin sekali mengembalikan Indonesia ke tangan Islam sesudah sekian lamanya dikotak-katikkan oleh kristian. Ini kerana kesilapan umat Islam sendiri di semua peringkat dalam perjuangannya.

Implimentasi dari cita-cita yang mulia itu, tumbuhlah berbagai-bagai jemaah atau harakah Islam di seluruh In-

donesia. Masing-masing katanya berjuang untuk Islam, walaupun sesetengah dari perjuangan itu bertentangan dengan tuntutan Islam. Ada yang fikirannya Islam tetapi jiwa Barat. Yang lain bermotif dakwah tetapi strateginya perang. Ada pula semangatnya Islam tapi akhlaknya kristian. Namun semuanya berslogankan Islam. Jadi riuh-rendahlah bumi Indonesia dengan perkataan Islam.

Walaupun realitinya Indonesia tertinggal jauh dari segi pengamalan Islam masyarakatnya dibandingkan dengan Malaysia, namun tiada siapa boleh menafikan bahawa kebangkitan semula Islam di Indonesia amat ketara sekali di akhir-akhir ini. Maka tidak pelik kalau ada pemerhati-pemerhati luar dan dalam negara Indonesia meramalkan bahawa Indonesia bakal menjadi tapak kebangkitan Islam di Timur bersama Malaysia.

Cuma beza antara kedua-dua negara yang berjiran ini ialah watak bangsa, latarbelakang sejarah dan cara perjuangannya serta corak pemerintahannya. Perbezaan di sudut inilah yang telah membezakan pula stail kebangkitan Islam antara kedua-dua negara ini. Serta membezakan golongan yang mula-mula menerima kebangkitan itu. Sekaligus membezakan juga cara-cara musuh Islam melakukan penentangan terhadap kebangkitan ini.

Umat Islam perlu peka terhadap faktor-faktor ini, supaya mereka dapat menyalurkan cita-cita perjuangan dengan tepat dan bermakna. Dan supaya tidak berlaku salah tafsiran yang kemudiannya membawa kepada salah bertindak, yang nanti amat merugikan diri dan perjuangan itu.

Buku *PRESIDEN SOEHARTO IKUT JADUAL ALLAH* ini, selain daripada untuk mengalu-alukan perjuangan terkini Pak Harto serta busyro kepada umat Islam, juga untuk mendedahkan kebijaksanaan dan kejujuran Pak Harto dalam bertindak terhadap agama yang menjadi anutannya. Supaya dengan ini umat Islam dapat bersyukur atas apa yang ALLAH sedang lakukan pada mereka ini dan dapat

memberi kerjasama dengan perjuangan Pak Harto yang telah menginginkan Islam.

Al hakir wal fakir,

IMAM ASHAARI MUHAMMAD

Muqaddimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

MEMBACA senarai jadual yang ALLAH telah tetapkan bagi kehidupan di dunia ini, kita akan terjumpa satu agenda yang berbunyi:

سَيَكُوْنُ أٰخِرُ الزَّمَانِ يَظْهَرُ الاِسْلاَمُ
فِيْ أَرْضِ الْشَرْقِ

Akan berlaku di akhir zaman, Islam muncul dan bumi sebelah Timur.

(Hadis Rasulullah SAW dipetik dari kitab *Sababul Inhithuth Al Muslimin* karangan Sayid Hassan Ali An Nadawi)

Sejak wafatnya baginda Rasulullah hinggalah ke hari ini, orang-orang alim dan beriman sentiasa mencari-cari dan menunggu-nunggu kapan terjadinya jadual itu. Orang-orang Mukmin mengharap biarlah terjadi kebangkitan itu di zaman dan di tangan mereka. Namun terbukti bahawa ianya belum pernah terjadi sebelum ini, walaupun sudah ramai umat Islam dari Iran, Iraq, Sudan, Indonesia dan lain-lain tempat yang mencuba agar ianya terjadi di tangan mereka.

Perihal Jadual ALLAH ini, ia pasti terjadi. Masakan ALLAH dan Rasul berbohong dan mungkir janji? Kita tidak boleh mendaifkan Hadis yang sangat masyhur ini. Bahkan

orang-orang Yahudi dan kristian pun sangat yakin dengan ungkapan agung ini, masakan umat Islam pula meraguinya.

Pak Harto, Presiden Indonesia, ketua kepada 180 juta manusia, tentu tahu dan yakin akan khabar gembira (busyro) untuk umat Islam ini. Sementelahan pula cuaca dunia akhir-akhir ini, terutama di awal kurun ke-15 Hijrah ini, seperti berbunga dan berbau Islam. Menteri Kewangan Malaysia, Brother Anwar Ibrahim sejak dulu-dulu lagi selalu melaung-laungkan: "Zaman ini," katanya, "the *rising fide of* Islam." Lee Kuan Yew, bekas PM Singapura itu pun, sekalipun bukan Islam tetapi beliau nampak tanda-tanda kebanjiran kebangkitan Islam akan melanda dunia. "Ia tidak dapat dibendung lagi," katanya.

Ramalan beberapa tokoh hampir-hampir menjadi kenyataan, bahawa Islam bangkit di Timur. Antara yang membuat ramalan mengenai potensi bumi sebelah Timur itu ialah:

1. **Dr. Abdul Sallam Harras,** pensyarah Universiti Qarawiyyin, Maghribi. Beliau pernah berkata kepada rombongan Darul Arqam yang menziarahi rumahnya, "Islam akan bangkit kembali bermula dari kamu (Timur)."

2. **Malik Bennabi,** -penulis terkenal Algeria. Katanya: "Selepas Perang Dunia Kedua, Islam akan berpusat di Asia Tenggara. Bukan lagi berpusat di Makkah, Mesir, Turki atau Yaman Selatan."

3. **Judith Nagata,** penulis Amerika. Menurutnya, "Islam tidak bangkit lagi di Timur Tengah."

4. **Asy Syahid Hassan Al Banna** pernah berkata, "Kekuasaan dunia dipegang secara bergilir-gilir oleh manusia Timur dan Barat. Mula-mula bangsa Qibti (Timur) berkuasa. Kemudian ia dikalahkan oleh bangsa Yunani (Barat). Bangsa Yunani dikalahkan oleh orang-orang Parsi (Timur). Parsi kemudiannya dikalahkan oleh Rom (Barat). Rom ke-

mudiannya dikalahkan oleh bangsa Arab/Islam (Timur). Setelah itu kekuatan Islam mula merosot, dan pihak Barat pula mengambil alih kuasa dunia.”

Berdasarkan sifir Hasan Al Banna ini, dan melihat pada suasana dunia hari ini yang memperlihatkan Barat sedang menuju kehancuran, maka Timurlah yang akan mengambil alih kekuasaan dunia dari tangan Barat.

5. **Mahmud Bajahji,** bekas Perdana Menteri Iraq. Pernah beliau berkata di satu majlis, “Semua bangsa yang memeluk agama Islam telah mengalami zaman keemasan. Kecuali bangsa ini (sambil menuding wakil Indonesia). Saya yakin bangsa inilah (Melayu) di belakang hari yang akan memimpin dunia Islam. U

6. Malah **Nostradamus,** ahli nujum Perancis berketurunan Yahudi yang terkenal itu, pun pernah meramalkan mengenai kemunculan seorang penyelamat akhir zaman di Timur. Katanya:

“The long awaited one will never come into Europe; instead he will appear in Asia... He ~‘11 dominate over all the Rulers of the *Orient.* M (“Tokoh yang sekian lama dinanti-nanti tidak akan muncul di Eropah, sebaliknya dia akan muncul di Asia... Dia akan menguasai semua pemerintah di Timur.“)

7. loyoboyo, kitab Babad Jawa, meramalkan bahawa Indonesia (Timur) akan menjadi negeri “gemah ripah loh jinawi” (adil dan makmur), “subur kang sarwa tinandur murah kang sarwa tinuku” (yang ditanam subur dan barang-barang bisa dibeli dengan harga murah). Ini berlaku selepas Nusantara mengalami tiga proses kepimpinan iaitu:

a. *Satria Kinunjara* — satria yang membebaskan umat Islam negara daripada penjajahan.

b. *Satria Mukti Wibawa* — satria yang penuh dengan wibawa.

c. *Satia Piningit* — satria yang disimpan oleh Tuhan dan merupakan orang kanan Ratu Adil (Imam Mahdi). Jika

disesuaikan dengan hadis, 'satria' yang dimaksudkan itu adalah Pemuda Bani Tamim.

8. **E.J. Brill** dalam ensiklopedia susunannya, *E.J. Bill's First Encyclopedia* of *Islam* (1913-1936), di halaman 115 menyebut bahawa umat Islam akan mendatangi Pemuda Bani Tamim yang datang dari sebelah Timur dan dialah pemegang panji-panji Imam Mahdi.

Timur yang dimaksudkan bukan lagi Iran atau Iraq tetapi di Gugusan Kepulauan Melayu iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Thailand dan Filipina.

Maka paling bijak dari segala ketua negara, Presiden Soeharto bukan saja tahu bahkan bersiap sedia untuk menyongsong rahmat yang kian tiba. Kekuatan inilah yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam. Yakni tampilnya seorang ketua negara dengan penuh berani menjunjung Islam.

Tentu Pak Harto tahu risikonya namun selaku orang Islam, tentu bapak yakin pula bahawa kuasa ALLAH mengatasi segala kuasa yang ada.

Gara-gara Islamnya kabinet Pak Harto, sesungguhnya memperlihatkan satu lagi petanda bahawa inilah zamannya Jadual ALLAH itu sedang berlaku. Bila sebuah istana terbuka pintunya untuk menerima iman, lalu berubahlah sebuah negara dan rakyatnya.

1

Jadual Allah

SEJAK dari kelahiran Rasulullah SAW ke dunia, hingga ke dunia akhir zaman ini, kita dapat menyaksikan satu perjalanan sejarah yang panjang melibatkan bangun dan jatuhnya Islam. Perihal berbagai liku, naik dan turunnya umat Islam di sepanjang zaman itu sebenarnya secara umum sudah disebutkan oleh ALLAH dan Rasul. Dan inilah yang saya maksudkan dengan Jadual ALLAH. Memang terdapat serangkaian Hadis-Hadis yang khusus memberitahu kita tentang apa-apa yang akan dan telah terjadi pada dunia. Saya akan sebut beberapa buah Hadis, sebagai contoh pada Jadual ALLAH yang dimaksudkan.

Rasulullah SAW bersabda:

قال صلى الله عليه وسلم: تكون النبوة فيكم ما شاء الله أن تكون، ثم يرفعها الله إذا شاء أن يرفعها، ثم تكون خلافة على منهاج النبوة، فتكون ما شاء الله أن تكون، ثم يرفعها إذا شاء أن يرفعها، ثم تكون ملكا عاضا فيكون ما شاء الله أن تكون، ثم يرفعها إذا شاء الله أن يرفعها، ثم تكون ملكا جبريا فتكون ما شاء

اللهُ أَنْ تَكُوْنَ، ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا، ثُمَّ تَكُوْنُ خِلَافَةً عَلٰى مِنْهَاجِ النُّبُوَّةِ، ثُمَّ سَكَتَ.

Telah berlaku Zaman Kenabian ke atas kamu, maka berlakulah Zaman Kenabian itu sebagaimana yang ALLAH kehendaki. Kemudian ALLAH mengangkat zaman itu. Kemudian berlakulah Zaman Kekhalifahan (Khulafa'ur Rasyidin) yang berjalan seperti Zaman Kenabian. Maka berlakulah zaman itu, sebagaimana yang ALLAH kehendaki. Kemudian ALLAH mengangkatnya lalu berlakulab zaman pemerintahan yang menggigit (Zaman Fitnah). Berlakulah zaman itu sepetimana yang ALLAH kehendaki. Kemudian ALLAH mengangkatnya pula. Kemudian berlakulah zaman penindasan dan penzaliman (zaman pemerintahan diktator). Dan berlakulah zaman itu sepertimana yang ALLAH kehendaki. Kemudian berlaku pula Zaman Kekhalifahan (Imam Mahdi dan Nabi Isa) yang berjalan di atas cara hidup Zaman Kenabian. Kemudian baginda diam.

(Riwayat Ahmad)

Sekarang ini, sesudah 1400 tahun kewafatan Nabi penutup, sebahagian besar dari jadual atau agenda itu sudah berlaku. Sejarah merakamkan bahawa semua yang difirman atau disabdakan itu sama ada positif ataupun negatif sudah terjadi. Ertinya, kita cukup yakin bahawa selepas ini, manamana jadual yang belum berlaku itu, pasti akan terjadi dan berlaku bila tiba masanya.

Di sini saya ingin menyenaraikan jadual-jadual yang positif saja, yang telah terjadi di sepanjang sejarah. Dengan harapan agar kita semua sangat yakin tentang kebenaran ALLAH dan Rasul-Nya.

1. Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الْقُرُوْنِ قَرْنِىْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ

Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian kurun berikutnya dan kemudian kurun sesudahnya.

(Riwayat AI Bukhari)

Baginda menyebut tiga kurun sebagai kurun di mana manusia yang menganut Islam secara majoritinya masih baik-baik. Yakni masih soleh dan solehah. Inilah generasi salafussoleh. Memang kita lihat ha1 ini benar berlaku, yang mana sesudah 300 tahun dari Rasulullah, manusia yang beragama Islam sudah mula renggang dari iman dan syariat Islam. Kalau ada pun yang masih kuat mempertahankan iman dan syariat, mereka bukanlah golongan majoriti. Bahkan makin jauh dari Zaman Kenabian, umat Islam makin meninggalkan Islam hinggalah akhirnya terjadi Zaman Fitnah yang membawa kepada berulangnya zaman jahiliah buat kali keduanya.

2. Rasulullah SAW bersabda:

سَيُفْتَحُ لَكُمْ مَشَارِقُ الأَرْضِ وَمَغَارِبُهَا

Timur dan Barat akan terima Islam.

(Riwayat Ahmad)

Hal ini pun sudah berlaku di tangan para Sahabat dan salafussoleh itu. Hasil perjuangan mereka, akhimya 3/4 dunia ini tunduk kepada pemerintahan Islam atau menganut ajaran Islam. Bangsa Arab itu pernah jadi empayar melalui Islam dengan dunia merujuk padanya. Di bahagian mana saja dunia ini ada saja penganut-penganut Islam.

3. Rasulullah SAW juga ada bersabda yang maksudnya:

Ilmu Islam dan kefasihan bahasa Arab akan diwarisi oleh orang Mesir.

Jadual itu pun sudah benar terjadi, yakni sejak 1000 tahun dulu dengan terbangunnya Universiti Al Azhar. Sejak itu Mesir menjadi pusat ilmu Islam, dan orang-orang Mesir

cukup fasih dengan bahasa Al Quran dan Hadis dibandingkan dengan bangsa-bangsa Arab yang lain.

4. ALLAH SWT berfirman:

غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ﴿٢﴾ فِيٓ أَدۡنَى ٱلۡأَرۡضِ وَهُم مِّنۢ بَعۡدِ غَلَبِهِمۡ
سَيَغۡلِبُونَ ﴿٣﴾ فِي بِضۡعِ سِنِينَۗ لِلَّهِ ٱلۡأَمۡرُ مِن قَبۡلُ
وَمِنۢ بَعۡدُۚ وَيَوۡمَئِذٖ يَفۡرَحُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ﴿٤﴾

Rom dikalahkan oleh Parsi di tanah jajahannya dan selepas itu mereka (Rom) akan mengalahkan Parsi beberapa tahun kemudian. Sama ada sebelum atau selepas, semuanya dalam urusan (jadual) ALLAH. Ketika (Rom mengalahkan Parsi) orang Mukmin bergembira dengan pertolongan ALLAH itu.

(Al Rum: 2-4)

Waktu wahyu ini turun, Rom dan Parsi adalah dua empayar yang menguasai dunia. Waktu itu atas nama kristian dan majusi. Tetapi ALLAH mengkhabarkan kepada orang-orang Mukmin tentang jadual di mana keduanya akan kalah-mengalahkan, yang akhirnya tinggal Rom berkuasa dengan pertolongan ALLAH jua. Apabila peristiwa itu benar-benar berlaku, orang Mukmin bergembira kerana tepat Jadual ALLAH itu. Mereka yakin, dengan pertolongan ALLAH itu juga kedua-dua empayar besar itu jatuh tersungkur kepada umat Islam. Demikianlah ALLAH mempergilirkan kuasa mengendalikan dunia kepada bangsa-bangsa.

5. Rasulullah SAW bersabda:

يَفْتَحُ القُسْطَنْطِينِيَّةَ أَمِيرٌ كَرِيمٌ ذُوْ دِينٍ لَيْسَ بِغَالٍّ
وَلَا سَارِقٍ وَلَا غَاشٍّ وَلَا ذِي تَخْلِيطٍ

Konstantinopel akan jatuh ke tangan seorang ketua yang baik lagi beragama, (tenteranya) tidak melampau, tidak mencuri dan (rakyatnya) tidak menipu dan tidak bergaul bebas.

(Riwayat Imam Abu Al Hassan Ahmad bin Jaafar;
dipetik dari kitab 'Ukduddurar Fi Akhbaril Muntazar.)

Dalam Hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Konstantinopel akan jatuh ke tangan seorang ketua yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik."*

Para Sahabat dan salafussoleh berlumba-lumba untuk merebut janji ALLAH itu. Dengan harapan di tangan merekalah berlaku janji itu. Tetapi mereka gagal sehinggalah 600 tahun sesudah kewafatan Rasulullah. Hal itu baru terjadi di tangan Muhammad Al Fateh, keturunan Bani Usman. Yang ekoran dari itulah Turki Usmaniah akhirnya muncul menjadi empayar atas nama Islam, menguasai tiga benua dengan 29 buah negara di bawah takluknya. Hingga hari ini, kalau kita ke Turki, kita masih dapat saksikan kesan-kesan kegemilangan dan kegagahan Islam yang ditinggalkan itu.

6. Rasulullah SAW bersabda:

يَبْعَثُ اللهُ لِهٰذِهِ الأُمَّةِ عَلَى كُلِّ رَأْسِ مِائَةِ سَنَةٍ مَنْ
يُجَدِّدُ لَهَا أَمْرَ دِيْنِهَا

ALLAH mengutuskan pada umat ini di setiap awal 100 tahun, orang yang akan memperbaharui urusan agama-Nya (mujaddid).

Hal ini pun kelihatan telah menepati jadualnya. Sudah tercatat kemas dalam sejarah nama para mujaddid yang lahir setiap awal kurun. Bermula dengan Sayidina Umar Abdul Aziz, Imam Syafi'i, Imam Abu Hassan Al Ashaari, Imam Al Ghazali, Imam Sayuti dan lain-lain lagi. Semuanya sudah 14 orang. Dan kini, dunia sedang menanti mu-

jaddid ke-15. Dan kita bertuah sedang berada di .awal kurun ke-15.

7. Rasulullah SAW juga bersabda:

لاَ تَزَالُ طَائِفَةٌ مِنْ أُمَّتِي قَائِمَةً بِأَمْرِ اللهِ لاَ يَضُرُّهُمْ مَنْ خَذَلَهُمْ حَتَّي يَأْتِيَ أَمْرُ اللهِ وَهُمْ ظَاهِرُوْنَ عَلَى النَّاس

Akan sentiasa ada satu thoifah di kalangan umatku yang menegakkan hukum ALLAH, mereka tidak dapat dirosakkan oleh golongan yang menen tanganya sehinggalah datang perintah ALLAH, sedangkan mereka terus muncul di tengah masyarakat.

(Riwayat Muslim)

Perihal janji ini, sejarah telah pun menceritakan pada kita bahawa bermula di awal kurun hinggalah pertengahan dan ke hujungnya, setiap generasi mempunyai thoifah-thoifah Islam dengan ciri-ciri khususnya seperti tersebut dalam Hadis di atas — mengamalkan Islam dalam kehidupan mereka dan bila musuhnya cuba merosakkan, ternyata thoifah itu (syariatnya) tidak rosak.

Hal begini nampaknya hanya terjadi kepada thoifah para mujaddid serta thoifah para syeikh tareqat di zaman gemilangnya. Selain mereka, organisasi-organisasi Islam yang berbau politik atau harakah-harakah Islam ala sekular dan persatuan-persatuan ulama rasmi kerajaan nampaknya tidak mampu memiliki ciri-ciri istimewa itu. Mereka gagal membawa pengikut-pengikut mereka menegakkan syariat Islam secara syumul dalam jemaah masing-masing. Dan mereka mudah saja tertipu oleh musuh-musuh perjuangan. Niat baik mereka tidak tercapai kerana laluan yang ditempuh tidak menuju ke matlamatnya.

8. Rasulullah bersabda:

سَيَكُوْنُ أَخِرُ الزَّمَانِ يَظْهَرُ الاِسْلاَمُ
فِيْ أَرْضِ الْشَرْقِ

Akan berlaku di akhir zaman, Islam muncul dari bumi sebelah Timur.

Jadual ALLAH untuk akhir zaman ini belum pernah terjadi di 14 kurun yang sudah-sudah. Belum. Saya yakin dan ramai lagi umat Islam yang yakin bahawa ia akan berlaku di kurun ini; kurun ke-15 Hijrah. Keyakinan ini tentunya dengan ada hujah iaitu:

1. Di kurun ini, berlaku gerakan yang aktif oleh badan-badan Islam yang masing-masing sibuk memperkata dan mempraktikkan cara hidup Islam. Di Indonesia, terdapat Nahdhatul Ulama (NU), Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), Muhammadiah, ICMI, Daru1 Arqam, Tabligh, Ikhwanul Muslimin, Tarbiyah Salafiah dan lain-lain lagi. Di Malaysia pula terdapat Pas, ABIM, JIM, Tabligh, Darul Arqam dan lain-lain lagi. Adanya badan-badan Islam yang meriuh-rendahkan nama Islam (walaupun baru cita-cita) adalah perkara yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ia merupakan satu perkara ajaib yang terjadi di Nusantara atau Gugusan Pulau-Pulau Melayu.

2. Di kurun ini, entah apa yang memulakannya, tiba-tiba saja kita saksikan umat Islam di Asia Tenggara ini terutamanya, ghairah memperkatakan Islam. Mereka ingin kepada cara hidup Islam. Mereka berubah dari hidup jahiliah (sekular) sebelumnya kepada hidup dalam lingkungan syariat Islam. Perbincangan-perbincangan ilmiah oleh cendekiawan Islam melalui tulisan atau di forum dan seminar menjadi satu budaya baru yang sangat diminati oleh muda-mudi Islam. Walhal sebelum ini mereka itu sudah terlalu jauh dari agama. Kenapa mereka mengubah haluan? Ya, kerana demikianlah Jadual ALLAH, yang pasti terjadi, tiada siapa boleh menghalangnya.

3. Muda-mudi Islam yang dulunya sudah tidak kenal syariat Islam, hidup cara Barat, tanpa siapa menduganya, telah mula ghairah menutup aurat dan berpakaian mengikut Sunnah sama ada dengan mini telekung, purdah, jubah, serban, songkok putih atau lainnya. Bagaimana perubahan ini boleh berlaku di tengah-tengah kehidupan sekular ini? Umat Islam kembali berduyun-duyun ke masjid, ke kuliah-kuliah fardhu ain dan ceramah-ceramah agama. Lalu mereka sudah mula jijik dengan makanan buatan bukan Islam, bank-bank riba, lagu-lagu pop karut dan lain-lain cara hidup tidak Islamik. Berubahlah hari demi hari sistem-sistem hidup jahiliah kepada Islam.

4. Segala penentangan, sekatan, ugutan dan fitnah terhadap pejuang-pejuang Islam, yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak senang dengan kebangkitan Islam ini, ternyata tidak merosakkannya. Bahkan kebangkitan itu makin membuak-buak. Hingga hari ini, bila Presiden Soeharto sendiri cenderung kepada Islam dan membuat perubahan-perubahan besar ke arah Islam, lagilah terasa oleh umat Islam di Timur ini akan hebatnya kebangkitan ini. Bahkan sebenarnya orang-orang bukan Islam pun, hatta musuh-musuh Islam, Yahudi dan nasrani, sudah nampak kejadian luar biasa ini.

Masing-masing sudah berfikir-fikir, apakah langkah untuk menghadapinya. Lee Kuan Yew sesudah menyatakan kebangkitan yang melanda ini tidak mungkin dibendung lagi, sekarang khabarnya mengambil inisiatif untuk belajar bahasa Arab. Judith Nagata, penulis Amerika, nampak lebih jauh lagi tentang masa depan kebangkitan ini setelah membuat kajian ilmiah tentang Islam di Malaysia. Katanya, Islam akan muncul sebagai kuasa politik.

5. Hasil kembara saya ke seluruh dunia, memang ketara bahawa kebangkitan Islam yang begini sedang berlaku di seluruh dunia. Tetapi yang paling menonjol ialah di Timur, yakni di Malaysia dan Indonesia.

Sebab itu saya membuat kesimpulan bahawa, Jadual ALLAH untuk kebangkitan Islam di Timur itu sedang berlaku sekarang ini. Yakni di Asia Tenggara, khususnya di Malaysia dan Indonesia.

2

Pak Harto Berubah?

SEKIAN lamanya saya berdoa pada Tuhan agar raja saya, yakni raja-raja di Malaysia dan Perdana Menteri saya, terbuka hatinya untuk memberi laluan kepada gerakan Islam. Atau setidak-tidaknya seorang ketua negara di mana-mana negara di sebelah Timur ini. Maka dengan tiba-tiba ALLAH membuka pintu hati Presiden Soeharto untuk Islam. Pada saya, kerana Pak Harto juga orang Timur, barangkali ALLAH mahukan dia untuk memberi kekuatan pada Islam. Setidak-tidaknya memberi laluan kepada gerakan Islam.

Maka orang pertama yang perlu bersyukur atas nikmat ini ialah saya sendiri. Sesungguhnya buku ini adalah tanda kesyukuran saya pada ALLAH. Saya hadiahkan pada Pak Harto dengan mengharapkan pahala dari ALLAH dan kejayaan Islam di Indonesia dan Timur seluruhnya.

Memang Pak Harto berubah. Bukan berubah agamanya. Kerana Pak Harto memang seorang Islam. Tetapi berubah hati dan hidupnya dan pemerintahannya menuju kepada kehendak dan undang-undang ALLAH. Bukti awal yang meyakinkan saya bahawa beliau itu sudah menerima hidayah dari ALLAH ialah:

1. Presiden, sesudah berangkat pulang dari Tanah Suci Makkah bersama keluarga serta kakitangan rumahnya, telah menerima nama baru iaitu Haji Muhammad Soeharto. Kesedarannya untuk lebih serius terhadap Rukun Islam

yang wajib itu terbukti bila mana sesudah rombongannya, digilir-gilirkan pula rombongan pekerja dan pedagang-pedagang kecil sekitar istananya untuk tunaikan haji di Makkah. Bagi seorang presiden di zaman ini, bila sanggup berbuat begitu, itu pun sudah cukup tinggi nilai simpatinya kepada kebangkitan Islam.

2. Beberapa tahun terakhir ini beliau banyak bertindak atau merestui perkara-perkara yang sangat menggembirakan umat Islam. Antara perkara-perkara itu ialah:

a) Melalui Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, beliau membenarkan pemakaian jilbab (penutup aurat wanita) di sekolah-sekolah seluruh Indonesia.

b) Merestui mendirikan ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia).

c) Merintis pembinaan BMI (Bank Muamalat Indonesia).

d) Yayasan Amal Bakti Muslim Pancasila dan Yayasan Darmais yang dipimpin oleh Pak Harto telah mengusahakan pengiriman 1000 orang da'i ke pedalaman, daerah-daerah transmigrasi dan diberi honorarium untuk 3 tahun *(Suara Pembaharuan 18/4/93).*

e) Melalui Yayasan pimpinan Pak Harto ini juga telah dibangunkan 600 masjid baru di seluruh Indonesia serta 4 buah rumah sakit haji di Jakarta, Surabaya, Medan dan Ujung Pandang *(Suara Pembaharuan, 18/4/93).*

f) Merestui penerbitan suratkhabar *Republika* (Lidah Islam) didukung oleh para cendekiawan Muslim Indonesia.

g) Merestui Festival Anak Soleh dan Musabaqah Tilawatil Quran Kanak-Kanak Nasional I, hasil dari program cepat baca Al Quran (Sistem Iqra') yang sudah merata di Indonesia.

h) Merestui Festival Istiqlal iaitu festival kebudayaan bernafaskan Islam.

i) Merestui Pameran Buku-buku Islam Teknologi (BISTEK) *(Pelita, 18/4/93).*

j) Tidak menghalang Undang-undang Peradilan Agama.

k) Menggunakan *"Assalamualaikum", "Bismillah", "Syukur alhamdulillah"* dalam ucapan dan perbualan beliau.

1) Selalu membuat "temu wicara" dengan tokoh-tokoh dan gerakan Islam seperti para ulama, anggota ICMI, IPHI (Ikatan Persaudaraan Haji Indonesia) dan lain-lain lagi *(Suara Pembaharuan, 18/4/93).*

m) Mengajak seluruh kaum Muslimin mengaktifkan remaja masjid dan perpustakaan masjid.

Tabloid *Detik* (3/3/93) bertajuk "Mempolitik Islam — Islam mempolitik" ada menyebut:

> "Tahun-tahun terakhir Islam memang luar biasa. Seluruh Indonesia seperti dihingar-bingarkan oleh warna HIJAU yang terus merembes keseluruh lini kehidupan kenegaraan.
>
> 1. ICMI
>
> 2. Pendidikan: larangan memakai jilbab dihapus.
>
> 3. Kebijaksanaan Presiden Soeharto melalui Yayasan Amal Bakti Muslim Pancasila:
>
> - Mengirim 1000 dai ke daerah transmigrasi dengan jaminan hidup Rp. 100,000 setiap bulan.
>
> - Disahkannya Undang-Undang Peradilan Agama pada tahun 1991.
>
> 4. Bank Muamalat Indonesia (BMI).
>
> 5. Suratkhabar *Harian Republikb.*
>
> "Umat Islam merasa terayomi. Banyak yang merasa kali ini pemerintah benar-benar memperhatikan umat Islam. Maka kemudian berdatanganlah kebulatan tekad dari berbagai kalangan umat Islam... Presiden Soeharto diminta duduk sebagai Presiden 1993-1998. Tampaknya umat Islam berpengharapan akomodasi kepentingan umat Islam akan terus berkelanjutan...
>
> "...Menunjuk masuknya rombongan Islam (ICMI) dalam susunan anggota MPR sebagai indikator bulan madu... ini saja sudah merupakan gejala luar biasa dalam kehidupan politik di Indonesia... ketegangan pemerintah dengan Islam dalam dataran tertentu telah mencair...."

3. Kabinet barunya yang berwajah Islam dibungai oleh iman dan taqwa. Senarai kabinetnya akan saya perincikan dalam bab berikutnya. Memang Pak Harto berubah kerana beliau meminta dimasukkan dalam peraturan perlem-

Pidato pertanggungjawaban "Presiden/Mandataris:

Kreativitas SDM Kunci Keberhasilan Mendatang

JAKARTA, REPUBLIKA

Masalah kreativitas, keterampilan, kemampuan manajemen, dan kepemimpinan teknologi sumber daya manusia ditekankan khusus Presiden Soeharto. Dalam Pidato Pertanggungjawaban di depan SU MPR di Jakarta, Senin (1/3) kemarin, Presiden/Mandataris menyebut hal tersebut sebagai penentu keberhasilan mendatang.

waktu 25 tahun terakhir alias PJPT I.

Beberapa kali tenuk tangan menggema di ruang sidang Grahasabha setiap kali mandataris menyampaikan ungkapan menyentuh hati. "Keberhasilan kepemimpinan saya adalah berkat dukungan kepercayaan dan kerja keras dan seluruh lapisan, golongan, ... generasi bangsa ini. Segala kekurangannya adalah karena keterbatasan saya sebagai manusia," kata Presiden S...

Jenderal MPR. ... dihadiri oleh 991 ... Majelis itu dipimpin Ketua ... Wahono. Ia didampingi ... wakilnya: ... A. Kahi Soekedjo dari F-ABRI, ... Metareum (F-PP), Soerjadi ... Achmad Amiruddin dari F-...

...pakaya gagal. Karena pengamanan ... ketat, ... wartawan tak berhasil ... sendiri jenderal yang baru pensiun ... hari itu. Dua menit setelah Try ... masuk ke gedung Grahasabha, Ketua DPR/MPR Wahono bersama ... wakil-nya dari setiap fraksi ... memasuki ruang sidang yang sama.

Wakil Presiden dan ibu Sudharmono tiba di gedung Grahasabha pukul 08.43 sekitar tujuh menit lebih cepat dari jadwal semula. Mereka berdua diterima oleh Achmad Amiruddin, wakil ketua MPR dari F-UD dan Sekjen MPR Soelaksono.

Presiden Soeharto dan ibu Tien tiba di gedung itu pukul 08.46. Mereka berdua disambut oleh Wahono dan Soelaksono. Kemudian ... Presiden dan ... lift khusus menuju ... upacara.

Presiden dan ibu Tien Soeharto bersama wakil presiden dan ibu Sudharmono didampingi Wahono, memasuki ruang rapat paripurna pukul 08.50. ... menempati kursi yang telah disiapkan.

Pada 08.55 WIB pimpinan ... Ketua ... membuka rapat paripurna ... dilanjutkan dengan pengesahan ... Majelis ... yang ...

Pidato Lengkap Dalam Suplemen

Republika 2/3/93

Menilai Pak Harto

Jangan memilih orang TOPP, orang yang tua, ompong, peot dan pikun untuk memimpin negara ini. Anda pasti ingat, siapa yang mengucapkan kalimat itu. Benar, itulah ucapan yang muncul dari Pak Harto, lebih dari dua tahun yang lalu. Saat itu, Pak Harto berbicara tanpa teks di depan DPP ... dan menjelaskan posisinya sebagai mandataris MPR. "Saya orang biasa, tidak berbeda dengan orang lain. Saya tidak punya kekuatan apa pun untuk menakut-nakuti MPR, dan memang tak seorang pun ... bisa. Tidak saya, tidak juga ABRI".

... lebih dari dua tahun kemudian, pada Pak Harto masih tetap sama: rendah hati, arif, jujur dan apa adanya. Simak misalnya apa kata Pak Harto ketika ke... fraksi MPR secara resmi memintanya untuk dipilih kembali sebagai presiden RI periode ... 1998: "Dua bulan lagi ... mur saya 72 ... juga manusia biasa yang punya kemampuan. Saya bersedia ... bukan karena ada tekanan, betul... an rakyat melalui majelis".

... saja menilai, ini adalah sebuah ... diplomatis yang 'memang harus ... begitu' oleh seorang pemimpin. ... dalam hal Pak Harto, tudingan begitu ... nya kurang tepat. Pak Harto pastilah ... berbasa-basi ketika mengatakan bahwa ... sudah cukup lanjut. Pak Harto pasti ... jujur bahwa dia hanya manusia ... yang memiliki keterbatasan.

... menilai orang sekaliber Pak Harto ... cukup hanya dengan kriteria usia ... sadar keterbatasan yang sangat ma... suatunya. Betapa pun, kita semua ta... bahwa meski usia Pak Harto makin lan-jut, dari segi fisik dan kemampuan Pak Harto masih cukup pantas untuk dipilih kembali sebagai presiden RI periode mendatang.

Lebih dari itu, dari segi politis, pilihan pada Pak Harto memang pilihan terbaik. Setidaknya, ini jika dilihat dari beberapa hal. Pertama, kini adalah masa transisi pembangunan jangka panjang tahap I (PJPT I) ke PJPT II. Dalam masa transisi ini, jelas dibutuhkan seorang pemimpin yang cukup kuat untuk mengatasi gejolak yang mungkin muncul.

Kedua, benar, ada ketidakpuasan, baik terhadap pembangunan secara umum, maupun terhadap kepemimpinan Soeharto, dan ini wajar. Tapi orang yang mau jujur pasti akan menilai, bahwa lepas dari berbagai kekurangannya, Pak Harto sudah berhasil membangun Indonesia.

Ketiga, ada yang berbicara dalam konteks regenerasi. Artinya, mereka menghendaki agar kali ini sudah waktunya angkatan yang lebih muda tampil sebagai pemimpin. Tapi pendapat begini selayaknya mampu lebih dulu menjawab pertanyaan mendasar: apakah hanya karena demi regenerasi maka sebuah tatanan yang sudah berhasil dibangun perlu dirombak? Setidaknya, perlukah perombakan itu dilakukan sekarang, pada periode transitif yang sangat rawan?

Keempat, pertanyaan yang pantas mengemuka: sudah ada orang yang pantas menggantikan posisi Pak Harto sekarang ini?

Begitulah. Jika mau jujur pada diri sendiri, paling tidak keempat soal tadi ikut dipertimbangkan dalam menilai posisi Pak Harto.

Sebagai manusia biasa, ia memiliki kelemahan. Tapi ia juga memiliki banyak kelebihan yang mungkin jauh menutupi kelemahan manusiawinya. Pantaslah jika kita berujar: teruslah berjuang, Pak Harto, selama rakyat masih mendukungmu. ■

Republika 10/3/93

Ucapan-ucapan yang diungkapkan oleh Pak Harto mencerminkan ketulusan hati dan sifat tawadhuknya.

bagaannya (Ketetapan *MPR No.2/1993)* dengan perkataan "keimanan dan ketaqwaan". Di dalam ketetapan MPR itu jelas menyebutkan soal keimanan dan ketaqwaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa. Antara petikannya:

Ketetapan MPR RI nomor II/MI%/1993

BAB II
PEMBANGUNAN NASIONAL

C. ASAS PEMBANGUNAN NASIONAL

1. Asas keimanan dan ketaqwaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa: bahawa segala usaha dan kegiatan pembangunan nasional dijiwai, digerakkan dan dikendalikan oleh keimanan dan ketaqwaan terhadap Tuhan Yang M&ha Esa sebagai nilai luhur yang menjadi landasan spiritual, moral dan etik dalam rangka pembangunan nasional sebagai pengamalan Pancasila.

D. MODAL DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

Rohaniah dan mental iaitu KEIMANAN dan KETAQWAAN terhadap Tuhan Yang Maha Esa merupakan tenaga penggerak yang tak ternilai harganya bagi pengisian aspirasi bangsa, juga kepercayaan dan keyakinan bangsa....'

BAB III
PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG KEDUA

E. SASARAN PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG KEDUA

3. Sasaran bidang agama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa. Terciptanya suasana kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa, yang penuh KEIMANAN dan KETAQWAAN, penuh kerukunan yang dinamis antar dan antara umat beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa secara bersama-sama makin memperkuat....

F. ARAH PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG KEDUA

16. Pembangunan kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa diarahkan untuk mampu meningkatkan kualitas umat beragama dan penganut kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa sehingga tercipta suasana kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa yang penuh KE-

IMANAN dan KETAQWAAN dan kerukunan yang dinamis serta makin meningkatnya peran serta umat dalam pembangunan.

Upaya ini diselenggarakan melalui peningkatan pemasyarakatan nilai KEIMANAN dan KETAQWAAN terhadap Tuhan Yang Maha Esa, didukung oleh perluasan sarana dan prasarana kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa.

BAB IV

PEMBANGUNAN LIMA TAHUN KEENAM

(PELITA VI)

KONDISI UMUM

16. Pembangunan kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa telah berhasil meningkatkan keimanan dan ketaqwaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa, mengembangkan suasana kehidupan beragama yang makin semarak....

E. SASARAN BIDANG PELITA KEENAM

3. Bidang agama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa penataan kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa yang harmonis yang tercermin dalam makin meningkatnya KEIMANAN dan KETAQWAAN terhadap Tuhan Yang Maha Esa.

Tak ada Sensor Isi Khutbah Sholat idul Fitril

AKARTA, REPUBLIKA — Menteri Agama yang baru dilantik Tarmizi Taher berpendapat bahwa masyarakat saat ini sudah semakin dewasa. Karenanya ditegaskan kepada wartawan bahwa pada Idul Fitri mendatang pihaknya tak akan melakukan sensor terhadap isi khutbah.

"Yang akan mengendalikan khutbah itu adalah jamaah masjid itu sendiri," ujarnya kepada wartawan usai serah terima jabatan Menteri Agama dari Munawir Sjadzali kepada dirinya, Sabtu (20/3) kemarin.

Dengan diberikannya kebebasan dalam menyampaikan isi khutbah oleh khotib, di... sebagai wujud kemandirian masyarakat ... menilai seng khoub. "Setiap ke... masyarakat atau jamaah masjid yang menyelenggarakan shalat Idul Fitri sudah tahu siapa yang berkhutbah baik, mana khutbah yang sejuk, mana khutbah yang mengimbau kita berpikir jauh ke depan dan sampai akhirnya ke akhirat," katanya sambil tersenyum.

Tarmizi juga menyatakan jangan mempolitisir perbedaan yang terjadi pada penentuan awal Hari Idul Fitri." Perbedaan bagi saya adalah rahmat. *Ikhtilaf* (perbedaan pendapat hukum) adalah rahmat. Tidak ada masalah," ujarnya sambil menyatakan perbedaan persoalan ini kecil sehingga tidak akan menimbulkan masalah yang besar.

Kemungkinan terjadinya perbedaan seperti tahun lalu tampaknya akan terjadi. Mantan Menag, Munawir Sjadzali pada awal penentuan awal Ramadhan yang lalu, telah meramalkan terjadinya perbedaan tersebut. Ketika itu, ia menyatakan telah mengirimkan ... gram kepada masing-masing Kan... Depag dan aparat terkait untuk membantu kelancaran mereka yang akan melakukan shalat Idul Fitri pada tanggal 24 Maret.

... rencana, sama seperti halnya pe... awal Ramadhan ... tanggal 23 ... rsama ... terkait akan ... *Istbath* ... menentukan awal bulan Syawal atau ... Idul Fitri 1413 H. Pada beberapa tempat yang strategis akan dilakukan *Ru'yatul Hilal* (melihat bulan) oleh petugas yang ditunjuk. Bila pada petang hari itu bulan sudah dapat dilihat, maka hari raya akan jatuh pada keesokan harinya. Tapi, bila tidak akan jatuh pada tanggal 25 Maret.

Ia merasa sangat bahagia dan tafakkur atas berbagai peristiwa penting yang berlangsung pada bulan Ramadhan. Kemerdekaan negara ini terjadi pada bulan Ramadhan. Sidang umum yang baru berakhir juga berlangsung di bulan suci ini. Demikian pula dengan pelantikan kabinet yang masih berlangsung pada bulan Ramadhan ... ini memberi arti bagi adanya ... bantuan dari Tuhan. "Bulan Ramadhan adalah bulan penuh barakah dan rahmah, dan ini merupakan titik awal yang baik," katanya.

Dengan menyitir ayat yang menjelaskan akan adanya bantuan Allah bagi manusia yang beriman dan bertaqwa, Tarmizi mengingatkan akan datangnya bantuan dari langit ... "Tapi kalau ... (mengingkari) ... pembangunan negeri ... maju, tidak akan ada bantuan," ujarnya. ■ ...

Atas restu Pak Harto, tidak ada lagi sensor pada isi khutbah solat Idul Fitri.

F. KEBIJAKSANAAN PEMBANGUNAN PELITA KEENAM

35. Pembinaan kehidupan beragama dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa diarahkan kepada peningkatan KEIMANAN dan KETAQWAAN terhadap Tuhan Yang Maha Esa...

AGAMA DAN KEPERCAYAAN TERHADAP TUHAN YANG MAHA ESA

2. Kehidupan beragama ,dan kepercayaan terhadap Tuhan Yang Maha Esa makin dikembangkan sehingga terbina kualitas KEIMANAN dan KETAQWAAN terhadap Tuhan Yang Maha Esa.

Penekanan pada keimanan dan ketawqaan ini terbukti apabila wakil Al Arqam berhari raya di rumah menterinya, umum mereka bercakap tentang iman dan taqwa. Aneh! sesuatu yang luar biasa bexlaku di Indonesia, malah juga di Asia, bilamana akhbar-akhbar melaporkan hampir semua menteri-menteri beragama Islam itu sujud syukur atas jawatannya itu. Yang mana di zaman ini hampir-hampir mustahil dapat dilakukan oleh pembesar-pembesar negara.

Bila gambar seorang menteri bersujud syukur terpampang di dada suratkhabar, ha1 ini bukanlah kecil ertinya pada umat Islam. Sebelum ini hal-ha1 begini sangat rahsia dan langsung tidak dapat tempat di dalam akhbar-akhbar. Lalu bukankah ini sumbangan besar Pak Harto pada agamanya? Kalau ianya kecil dan mudah, mengapa ketua-ketua negara lain, yang juga beragama Islam tidak melakukan ini? Sekalipun untuk ambil hati rakyat dan memancing undi!

4. Menurut sahabat saya, yang juga orang kanan saya, Ustaz Haji Abdul Halim Abbas, dia pernah berkirim salam kepada Presiden Soeharto melalui seorang kenalannya.

Dijawab oleh Presiden begini:

"Salam dari seorang ulama lebih besar dari salam seorang presiden. Sebab seorang presiden bila-bila masa pun bisa jatuh jawatannya. Tapi ulama kekal darjatnya."

Bagi saya, ucapan Bapak Presiden ini walaupun bukan untuk saya, tetapi rasanya saya dihadiahkan sesuatu yang nilainya lebih besar dari segunung emas. Mengapa tidak? Seorang presider-r sudah menerima baik seorang ustaz kecil yang bukan dari kalangan ulama kerajaan, yang dikatakannya ulama yang nilai salamnya besar. Terima kasih Bapak Presiden, kerana memberi takrif baru pada istilah ulama. Sekaligus ia merupakan satu penghormatan kepada Jemaah Al Arqam.

5. Di Hari Raya Idul Fitri yang baru lalu (1413 Hijrah), diceritakan selepas Pak Harto pulang ke rumahnya seusai menunaikan sembahyang sunat Aid, beliau terus memanggil seluruh anggota keluarganya untuk bersalaman dan bermaaf-maafan dan berpesan kepada mereka, "Bertaqwalah kepada ALLAH". Bila keluarganya meminta maaf, beliau berkata, "Bapak juga bersalah dengan kalian."

Berita ini moga-moga benar! Dan saya mahu meyakinkan bahawa ianya adalah benar. Dan bila ia benar, sesungguhnya Presiden Soeharto benar-benar terpilih oleh ALLAH di umur tuanya untuk beriman dan membantu perjuangan Islam akhir zaman seperti yang dijadualkan. Memang bila kebangkitan kebenaran itu terjadual, maka ALLAH akan beri pertolongan dan kejayaan-kejayaan besar yang luar biasa dan tidak terdugakan oleh akal manusia.

Dengan kata lain, ALLAH sendiri turut campur secara langsung membantu kejayaan kebangkitan yang dijanjikan-Nya itu. Sesungguhnya, bukannya susah bagi ALLAH untuk mengubah hati seorang presiden, sesudah ALLAH mengubah hati ribuan rakyat di seluruh dunia untuk berani memecahkan budaya-budaya tradisi hidup mereka dan beralih kepada hidup secara Islam. Pak Harto sebenarnya sedang bersama jutaan umat Islam yang lain di seluruh dunia, khususnya di Timur ini yang sedang cinta dan rindu kepada hidup secara Islam.

6. Selesai solat Subuh, tiap-tiap hari Pak Harto akan

buat kerja rakyat. (Tidak tidur selepas solat Subuh, masa yang sangat berkat, adalah amalan Pak Harto yang menepati Sunnah Nabi). Beliau akan membaca surat dari rakyat. Menurut ceritanya, hinggakan kalau ada surat anak-anak yang meminta response dari Pak Harto, segera Pak Harto akan menyuruh orang-orangnya melayan kehendak surat tersebut (Kompas, S/9/92).

Berikut mari kita baca beberapa petikan akhbar di Indonesia yang membuktikan bahawa Presiden Soeharto sedang mengikut Jadual ALLAH.

1. Ucapan-ucapan tulus yang diungkapkannya yang memperlihatkan rasa kehambaan pada Tuhan dan tawadhuk pada orang-orangnya sudah bertapak dalam hatinya.

a) Dari akhbar *Republika* (2/3/93) di bawah tajuk "Kreativitas SDM (sumber daya manusia) Kunci Keberhasilan Mendatang", Presiden Soeharto berkata:

"Keberhasilan kepimpinan saya adalah berkat dukungan kepercayaan dan kerja keras dari semua kalangan, golongan dan generasi bangsa ini. Segala kekurangannya adalah kerana keterbatasan saya sebagai manusia."

b) *Republika* (10/3/93) di bawah tajuk "Menilai Pak Harto", penulisnya memetik ucapan Pak Harto dua tahun dulu di depan DPP-KNPI untuk menjelaskan posisinya sebagai mandataris MPR (Majlis Permusyawaratan Rakyat):

> "Saya orang biasa, tidak berbeda dengan orang lain, saya tidak punya kekuatan apa pun untuk menakut-nakuti MPR dan memang tak seorang pun yang bisa, tidak saya, tidak juga ABRI."

Dan kini ketika kelima fraksi MPR secara rasmi memintanya untuk dipilih kembali sebagai Presiden RI periode 1993-1998, beliau berkata:

"Dua bulan lagi umur saya 72 tahun. Saya juga manusia biasa yang punya keterbatasan kemampuan. Saya bersedia dipilih jika bukan kerana ada tekanan, betul-betul di-

harapkan rakyat melalui majlis."

Ungkapan-ungkapan yang mengharukan di atas rasanya tidak mungkin keluar dari bibir seorang ketua negara. Tetapi ternyata menjadi realiti hidup Presiden Indonesia ini.

2. Akhbar *Republika* (22/3/93) memuatkan satu artikel bertajuk, "Tak ada sensor isi khutbah sholat Idulfitri". Ini agak menggemparkan juga bagi kalangan umat Islam, khususnya kalangan orang masjid dan pejuang Islam. Sebab sebelum ini, ramai ulama tidak disenangi kerana khutbah yang lantang. Tapi kini kebebasan itu diberikan. Lihat penekanan akhbar tersebut:

> Menteri Agama yang baru dilantik Dr. Tarmizi Taher berpendapat bahawa masyarakat saat ini sudah semakin dewasa. Kerananya ditegaskan bahawa pada Idulfitri mendatang, pihaknya tak akan mengendalikan sensor pada isi khutbah. "Yang akan mengendalikan khutbah itu ialah jemaah masjid itu sendiri."

Dr. Tarmizi Taher juga ada menyebut perihal adanya bantuan dari langit dan bumi oleh ALLAH kepada orang yang beriman dan bertaqwa. Begitulah di zaman kebangkitan Islam ini, Menteri Agama Indonesia yang berkelulusan kedoktoran dari Universiti Air Langga Surabaya, kemudian melanjutkan pengajian sistem kesihatan AL (Angkatan Laut) di Amerika, berani untuk bercakap tentang bantuan ALLAH melalui iman dan taqwa. Pada saya, ha1 ini adalah kejadian besar dan penting. Dia seolah-olah ulama. Walhal, ulama pun ada yang cakapnya macam anti Islam. Atau tidak mahu lagi cakap macam ini.

3. *Republika* (22/4/93) juga menyebut:

> "Menpan: Atasan Bisa Mengusut Asal Uang Untuk Pesta Mewah."
>
> Menurut TB Silalahi (Menpan TB), atasan bisa memerintahkan inspektor jenderal untuk mengusut pejabat (orang kerajaan) yang berpesta secara mewah. Misalkan, ada pesta perkahwinan pejabat yang menghabiskan dana 1 milyar rupiah,

Ibu Tien tak Restui Pengiriman Ratu Kecantikan

JAKARTA, REPUBLIKA

Ibu Tien Soeharto membantah pernah merestui pengiriman pemilihan ratu kecantikan keluar negeri. "Saya tidak pernah merestui," kata Ibu Tien seperti dikutip Menteri Urusan Peranan Wanita (UPW) Nyonya Mien Sugandhi, kemarin, di Istana Negara, ketika ditanya mengenai kebijaksanaan pemerintah tentang pengiriman ratu kecantikan keluar negeri.

Menurut Ibu Tien, kecuali kalau di sana hanya mempromosikan kebudayaan Indonesia dan menguntungkan pembangunan nasional. [illegible] tapi jangan sampai menimbulkan dampak negatif.

Apa Meneg UPW telah mengambil sikap atas hal itu? Mien Sugandhi [illegible] pihaknya [illegible] dalam [illegible] untuk [illegible] Saya hanya menggugah kesadaran. Kriteria dan pasal-pasalnya itu sudah dikirim oleh pak Poeger (Dirjen Kebudayaan Dep. P&K - Red) kepada masing-masing penyelenggara di dalam negeri," kata Mien Sugandhi.

Alasan ketidaksetujuan Mien Sugandhi itu dilandasi pada peraturan Menteri P&K Nugroho Notosusanto waktu itu yang menyebutkan pengiriman itu mengandung dampak positif dan negatif. Yang positif, kata Meneg UPW, antara lain bisa mempromosikan kebudayaan bangsa, kepribadian bangsa, dan keberhasilan negara kita.

"Sedangkan yang bersegi negatif, yang dikirim itu harus mau mematuhi kriteria yang ditetapkan di sana, misalnya harus mengenakan pakaian renang yang bukan di tempatnya, juga pakaian [illegible] backless."

Berbagai pihak menurut Mien Sugandhi memintanya untuk mengambil sikap dalam hal pengiriman ratu-ratuan itu. Antara lain Menparpostel Joop Ave yang mendesak Menteri Mien untuk menanyakan itu langsung kepada Ibu Tien, dan ternyata jawaban Ibu Negara tidak pernah merestuinya.

Menurut Mien Sugandhi kata-kata merestui harus dilihat dari dua segi dan harus dijabarkan apa maksudnya. "Yang jelas segi negatifnya adalah calon ratu kecantikan itu di sana, harus mau mengenakan pakaian renang dan [illegible] salah satu kriteria yang [illegible] tukan."

Ini bukan berarti kita tidak setuju orang mengenakan pakaian renang, kata Meneg UPW, boleh saja asal di tempat renang, sedangkan ratu-ratuan itu kan tidak, bahkan dipertontonkan di depan [illegible] di panggung lalu diukur, [illegible] kan tidak mungkin. "Mudah-mudahan ini disadari bahwa kriteria yang demikian tidak mungkin dapat kepribadian bangsa dan negara kita," kata Meneg UPW. ■

Republika 21/4/93

Presiden: Hati-hati terhadap Tahta, Harta, dan Wanita

JAKARTA REPUBLIKA

Para pejabat yang biasa "disuguhi" wanita [illegible] kebiasaannya. Presiden [illegible] lagi meneruskan kebiasaannya. Presiden Soeharto mengingatkan para pejabat untuk tidak menerima "suguhan wanita" yang mungkin diberikan oleh orang lain untuk tujuan-tujuan tertentu, karena pejabat harus mampu memberikan contoh yang baik kepada masyarakat.

Menurut Presiden Soeharto, aparat harus mampu menjaga tingkah laku di depan masyarakat, [illegible] harus berhati-hati terhadap apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan, terutama terhadap masalah tahta, harta, dan wanita.

Khusus persoalan wanita, Pak Harto mengingatkan bahwa orang suka menjatuhkan seorang pejabat dengan cara menyuguhkan wanita. "Ka[illegible] merupakan penyebab yang paling tinggi [illegible] seorang pejabat jatuh dari [illegible]. Dengan demikian [illegible] pejabat [illegible] benar-benar diwaspadai [illegible] menjaga diri agar tidak terjerumus [illegible] yang tidak benar," ujarnya.

Kepala Negara menyatakan itu ketika menerima Gubernur Irian Jaya, Yacob Pattipi, di Bina Graha, Jakarta, Rabu (21/4). Pattipi melaporkan [illegible] pelantikannya sebagai gubernur baru [illegible] untuk menggantikan Barnabas Suebu [illegible].

Peringatan Presiden ini disampaikan bertepatan dengan hari Kartini 21 April. Meski disampaikan kepadanya, Pattipi mengatakan [illegible] Pak Harto itu berlaku bagi semua aparatur.

"Bapak Presiden menjelaskan, seseorang yang ingin mencapai kedudukan tinggi janganlah melakukan cara-cara tidak baik. Untuk mencapai kedudukan itu harus berdasarkan prestasi dan harus bekerja keras, sehingga mendapatkan imbalan posisi yang tinggi," kata Pattipi mengutip keterangan Presiden.

Kedua, yang harus diperhatikan, kata Presiden, persoalan harta. "Kita boleh saja kaya, tapi harus berdasarkan keringat dan jalan yang halal yang diridhoi oleh Tuhan Yang Mahaesa, gunakan kekayaan itu untuk membantu banyak orang yang masih hidup dalam keadaan susah. Janganlah harta kekayaan itu dipakai sendiri, apalagi secara berlebih-lebihan."

Menurut Presiden, seorang gubernur di sisi lain bertugas sebagai aparat daerah, tapi ia juga aparat pemerintah pusat. Dengan demikian daerah adalah daerahnya pusat, dan pusat adalah pusatnya daerah.

"Karena itu keduanya jangan dipandang sebagai batas yang memisahkan keduanya, dan jangan dilihat dari kewenangan daerah karena seorang gubernur adalah orangnya pusat, manfaatkan kesempatan ini sehingga kesulitan daerah bisa diselesaikan ke pusat," kata Presiden.

Menurut Gubernur Irian Jaya, Presiden juga berpesan, jika gubernur Irja menemui kesulitan yang tidak bisa dipecahkan sendiri, maka jalan keluar yang pertama adalah menemui menteri dan dirjen yang membidangi permasalahan [illegible].

Menurut Presiden, daerah Irja [illegible] propinsi terluas di Indonesia sedangkan jumlah penduduk paling sedikit, dengan demikian pejabat di Irja hendaknya terus berusaha mencari tenaga kerja [illegible] lain dengan [illegible] meminta kepada Menteri Transmigrasi membantu dengan cara [illegible] transmigran. ■ dur

Republika 22/4/93

Presiden : Pejabat Jangan Tergelincir pada Wanita

JAKARTA — Presiden Soharto mengingatkan, para pejabat agar melaksanakan tugasnya dengan sebaik-baiknya dan tidak tergelincir pada tiga hal, yakni kedudukan, harta, dan wanita.

Peringatan Kepala Negara itu dikemukakan Kepala Negara ketika menerima Gubernur Sulawesi Tenggara, La Ode Kaimudin, di kediaman jalan Cendana, Jakarta, Rabu pagi kemarin (03/3).

Menurut Kaimudin kepada wartawan, Presiden juga meminta, sebagai panutan bagi masyarakat agar para pejabat bersikap hati-hati dalam setiap bertindak. Hal itu dikemukakan Kepala Negara, karena disadari bahwa para pejabat dalam melaksanakan tugas tidak jarang berhadapan dengan berbagai godaan.

Khusus kepada Gubernur Kaimudin, Presiden meminta agar semua proyek- proyek Inpres di daerahnya dilaksanakan sebaik-baiknya, untuk mendukung laju pertumbuhan perekonomian daerah.

Sementara itu, ketika ditanya tentang proses penggantian Gubernur Sultra, Kaimudin menjelaskan, bahwa suasana panas yang terjadi waktu itu dikarenakan Gubernur lama Ir. Alala telah mempunyai calon untuk penggantinya yang ternyata tidak disetujui oleh DPRD Sultra. (Busana/dk)

Berita Buana 4/3/93

Pegawai pemerintah diingatkan akan bahaya takhta, harta dan wanita. Ibu Tien sendiri membuat ulasan yang positif mengenai persoalan ratu cantik.

perlu diusut dari mana asal wang itu. Kalau terbukti berasal dari pendapatan tidak sah bisa diadukan ke pengadilan dengan tuduhan korupsi.

Sambungnya: "Sedangkan bila dana pesta itu berasal dari pos yang halal, misalnya berasal dari harta warisan katanya, tetap salah dan bisa dihukum secara administratif kerana telah melanggar ketentuan yang ditetapkan."

"Ketentuan dimaksudkan ialah Keppres lo/1974 dibuat perbaikannya dengan Keppres 4711992 tentang pembatasan kegiatan pegawai negeri dan kesederhanaan hidup. Bapak Presiden prinsipnya setuju pola hidup sederhana bagi pejabat ini. Saya hanya mem'follow-up' keputusan Presiden yang sudah berjalan hampir 10 tahun itu," katanya.

Ya, sudah 10 tahun Presiden mahukan hidup sederhana di kalangan atasan dan pejabat. Cuma sayang, mungkin beliau tidak cukup kakitangan dan materi untuk menjayakan. Namun kebanggaan kita ialah penekanan kepada prinsip mulia ini dilebihseriuskan dalam program PELITA VI era "tinggal landas" ini.

"Kalau ada pejabat BUMN (Beban Usaha Milik Negara) yang menyelenggarakan pesta mewah, laporkan pada saya, buat surat pembaca atau beritakan di koran. Saya akan telefon menterinya: Ini ada pejabat anda yang pesta pora, kok dibiarkan. Tegur dong," kata Silalahi memberi contoh.

4. Bacalah akhbar *Republika* (22/3/93) yang luar biasa bila seorang Presiden berkata, "Hati-hati terhadap takhta, harta dan wanita." Di antara isinya:

"Kita boleh saja kaya, tapi harus berdasarkan keringat dan jalan yang halal, yang direstui oleh Tuhan Yang Maha Esa, gunakan kekayaan itu untuk membantu banyak orang yang masih hidup dalam keadaan susah, janganlah harta itu dipakai sendiri, apalagi secara berlebih-lebihan."

5. Berikut ini adalah petikan beberapa pidato Bapak Presiden semasa beliau mengangkat sumpah menjawat Jabatan Presiden Republik Indonesia di hadapan sidang Umum MPR RI pada 11 Mac 1993:

"...Baru saja, menurut agama yang saya yakini, agama Islam, saya telah mengucapkan sumpah Jabatan Presiden RI..."

"Dengan keimanan yang dalam, sumpah itu saya ucapkan di hadapan Tuhan Yang Maha Kuasa, Tuhan Yang Maha Tahu.."

"...Kita harus mengangkat tidak kurang 27 juta saudara-saudara kita yang sampai hari ini masih hidup di bawah garis kemiskinan..."

"...Saya mohon dukungan, koreksi dan pengawasan dari Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), yang juga menjadi anggota Majlis (MPR)..."

"... Koreksi akan mengingatkan saya untuk menimbang-nimbang kembali kebijakan pemerintah yang saya putuskan..."

"...Dengan selalu memohon kekuatan lahir batin dari Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.."

"...Semoga Tuhan Yang Maha Esa memberkahi kita se-mua dalam melanjutkan pembangunan masa depan kita semua..."

6. Lagi beberapa petikan pidato beliau dan juga komentar suratkhbar mengenai pidatonya itu.

"Ibarat perjalanan panjang, saya telah memimpin bangsa ini mendaki gunung-gunung, menuruni lembah-lembah dan mengarungi laut-lautan. Kadang-kadang cuaca cerah, tidak jarang badai menyerang..." ucapan Pak Harto *(Kom-pas, 213193).*

"...Presiden merasa wajib *meminta maaf* kepada para menteri, kerana memberi tugas yang melebihi kemampuan sehingga akibat tugas itu keluarga pun ikut menanggung beban. Kerana itu dengan segala keikhlasan lahir dan batin saya dan keluarga meminta maaf kepada para menteri dan ibu-ibu sekalian..."

Apabila terpilih kembali sebagai Presiden RI beliau berkata, "Saya menengadahkan tangan dan memanjatkan rasa syukur yang sedalam-dalamnya ke hadrat Tuhan Yang Maha Esa... Tuhan Yang Maha Kuasa..." *(Kompas, 11/3/93)*

"...Tinggal sekarang melaksanakan segala ketetapan-ketetapan MPR sebagai landasan operasional Presider-r/mandataris untuk melaksanakan pembangunan khususnya REPELITA VI yang insya-Allah sebentar lagi akan saya jabarkan. Mudah-mudahan semuanya akan bisa dilaksanakan dan sekali lagi saya mengucapkan syukur kepada Tuhan Yang Maha

Kuasa..." *(Be&a Buana,* 1213193).

"... Dengan segala keterbatasan tetapi yakin atas kemurahan Tuhan Yang Maha Kuasa dengan ridho, bimbingan dan perlindungan Tuhan Yang Maha Kuasa, serta partisipasi dari rakyat, tentu kita akan bisa menyaksikan lagi hasil-hasil pembangunan secara keseluruhannya..." *(Berita Buana,* 1213193)

"... Untuk mencegah kekeliruan Presiden Soeharto *minta dikoreksi* dan diawasi... *Berita Buana* 12/3/93).

Anak-anak Pak Harto mengucapkan syukur *"Alhamdulillah* terpilihnya kembali Pak Harto sebagai Presiden *(Kompas,* **11/** 3193).

"... Sidang Umum MPR 1993 berjalan bersamaan dengan bulan suci Ramadhan 1413. Bahkan puncak-puncak sidangnya terjadi bersamaan dengan Puncak Rahmat dan berkah ALLAH SWT dengan Nuzul Quran-Nya... kita semua berharap.... membawa berkah..." Ucapan Gabenur DKI Jakarta, Suryadi Soedirdja *(Berita Buana, 1213193).*

Satu kejutan juga oleh Ibu Tien Soeharto apabila beliau menegaskan bahawa beliau tidak pernah merestui pengiriman ratu kecantikan. Beliau turut mengingatkan bahawa kegiatan itu tetap memunculkan dampak negatif dan norma ketimuran *(Republika,* 21/4/93). Ini pun luar biasa, di waktu Malaysia dan Singapura masih mengirim wakil ke pertandingan Miss Universe dan Miss World.

Memang taraf hidup rakyat Indonesia umumnya boleh dikatakan miskin. Maka Presiden bersungguh-sungguh mahu membasmikannya. Kelihatan juga dalam akhbar Kom*pas,* Presiden berkata, "Ciptakan Program Membanteras Kemiskinan Melalui Koordinan" *(Kompas,* 11/12/92). Beliau menyebut: Jangan biarkan persaingan yang matikan pengusaha kecil atau menengah.

Demi menyelesaikan masalah orang-orang pencen, Presiden minta agar Taspen (Tabungan Asuransi Pensiunan) menyegerakan pemberian kemudahan kepada golongan tersebut. *Kompas* (25/4/93) melaporkan:

Kata Presiden, kecepatan pelayanan hams menjadi kom-

pensasi bagi para pensiunan kerana mereka kini menerima uang dengan jumlah yang sedikit.

Demikianlah bukti-bukti bahawa Presiden Soeharto memang berubah. Perubahan yang ditunjang oleh iman berbeza sekali dengan perubahan-perubahan yang berlaku kerana kepentingan peribadi dan duniawi. Memang apa yang Pak Harto buat itu tidak secara total bersifat Islami, namun kalau diukur setakat apa yang dilakukan di peringkat awal oleh seorang ketua negara, rasanya ia lebih baik dari seorang rakyat jelata yang begitu kuat Islamnya. Kerana kata Rasulullah:

يَوْمٌ مِنْ إِمَامٍ عَادِلٍ أَفْضَلُ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّيْنَ سَنَةً

Sehari seorang raja yang berlaku adil, lebih besar pahalanya daripada (seorang abid) beribadah 60 tahun.

(Riwayat Ahmad)

3

Mengapa *Presiden* Soeharto *Berubah?*

BILA Presiden Soeharto mengisytiharkan kabinet barunya, 'Kabinet Pembangunan VI', pada 17 Mac 1993 dengan muqaddimahnya dibacanya *"Bismillahir Rahmanir Rahim"*, ini sangat mengejutkan dunia. Tentunya ia akan menjadi sejarah yang penting dan besar bagi dunia. Kabinet iman dan taqwa, tentu boleh ia dikatakan begitu, telah membuatkan ramai orang tertanya-tanya siapa di belakang Soeharto? Dan mengapa dia jadi begitu?

Saya selaku orang Islam, juga seorang yang ikut serta berjuang, terlalu bersyukur pada Tuhan akan taqdir-Nya ini. Bagi pejuang-pejuang Islam Indonesia, Malaysia dan antarabangsa amnya, sikap Pak Harto secara langsung atau tidak, sangat membantu perjuangan suci ini. Lalu saya ghairah sekali mencari-cari, hadiah apa yang boleh saya berikan kepada bapak, sebagai penghargaan atas simpati yang bapak berikan kepada perjuangan Islam. Lalu terfikirlah oleh saya untuk mengirimkan buku ini, ditulis khusus untuk Pak Harto sebagai hadiah kepada seorang Presiden yang terbuka pintu hatinya, mahu mencari cinta pada ALLAH dan Rasul-Nya.

Kami, rakyat yang beragama Islam sesungguhnya sudah lama merindukan seorang ketua negara yang mahu senyum pada apa yang kami lakukan untuk Islam. Hadiah ini kecil saja Pak. Dikirim bersama doa, moga-moga ALLAH di belakang bapak terhadap apa jua kebaikan yang bapak per-

I - __-

juangkan. Juga terhadap khianat-khianat musuh yang mahu menyusahkan bapak.

Di sini izinkan saya untuk memberitahu umat Islam yang tertanya-tanya mengapa terjadi perubahan besar pada diri Bapak Presiden Soeharto dan kepada anggota-anggota kabinetnya. Moga-moga andaian-andaian saya ini benar dengan izin ALLAH: I

1. Selaku seorang yang terpilih untuk mengetuai sebuah negara besar kepada 180 juta manusia, 150 juta daripadanya adalah beragama Islam, Presiden Soeharto tentu bukannya sebarang orang. Walaupun saya tidak pernah bertemu dengannya, tetapi saya yakin tentu dia bijak orangnya. Berani dan bercita-cita. Luas pengetahuannya serta banyak pengalaman dan kuat keyakinan. Ciri-ciri inilah yang telah memberanikan dirinya untuk mengubah arus, membuat kejutan dengan kabinet barunya itu dan lain-lain perubahan. Ini zaman Islam bangkit dari Timur. Tentu Pak Harto tahu. Sedangkan bekas Perdana Menteri Singapura yang bukan Islam pun tahu, inikan pula seorang Presiden yang beragama Islam. Sementelahan pula, Indonesia itu sebahagian dari Timur. Pak Harto tentu berbangga dengan kebangkitan dan kejayaan agama yang jadi anutannya itu.

Ya, Islam agama Pak Harto dan agama kita, sedang bangkit di Timur. Khabar ini sangat masyhur. Tentu sudah jadi bualan ulama-ulama dan orang kiri kanan Pak Harto. Ya, Pak Harto bijak kerana di zaman Islam akan berdaulat, dia menyiapkan dirinya untuk menerima Islam. Dia mahu menyelaraskan jadual perjuangannya dengan Jadual ALLAH. Perjuangan ini tentu akan berjaya kerana ia telah dijanjikan (dijadualkan). Jangan-jangan kemuncak kebangkitan itu berlaku di tangan Presiden Indonesia ini. Kiranya tidak, kerana faktor umurnya, tentu Pak Harto ingin juga masuk saham, yakni dengan membuka dan memberi laluan kepada generasi akan datang untuk menjayakan kebangkitan ini. Dengan itu moga-moga ia menjadi amal jariah dan

namanya tercatat sebagai pemerintah yang adil serta mendapat pahala yang besar di Akhirat nanti dan layak untuk ke Syurga ALLAH.

2. Selaku seorang Presiden, Pak Harto tentu juga tahu apa yang sedang dan sudah terjadi kepada lain-lain rakan sejawat dengannya (Presiden dan Perdana Menteri) di seluruh dunia. Umumnya nasib preside-presiden dan perdana menteri di hujung-hujung pemerintaharmya sangat malang. Seorang yang bijak tentu mahu menempah khusnul khatimah. Maka di umur tuanya, Presiden Soeharto lalu dapat menguasai dirinya untuk bebas dari belenggu nafsu; menyerah diri pada kehendak ALLAH. Sebab seorang yang berpaut pada ALLAH saja yang mungkin selamat di hujung umurnya. Dan seorang Presiden yang dapat me-nempatkan dirinya di hati rakyat saja yang akan didoakan keselamatannya oleh rakyat secara sukarela. Rakyat pun tentu dapat memaafkan, kiranya ada kesilapan-kesilapan yang berlaku semasa pemerintahan Bapak.

3. Sebuah empayar besar, Rusia, tiba-tiba jatuh di kurun ini. Sebuah lagi bapa empayar iaitu Amerika pun lemah selepas menang tempur dengan Saddam Hussein. Komunis dan bapa kapitalis itu jatuh bila matahari Islam memancar. Seperti jatuhnya Rom dan Parsi oleh Muhammad Rasulullah. Petanda akan lahirnya Ratu Adil, Khalifah Akhir Zaman, ialah mati dan malapnya cahaya kejahilan dari sumbernya. Kerana melihat hebatnya gara-gara kebangkitan ini, maka Pak Harto pun cepat menyalakan api kebenaran. Moga-moga bumi Indonesia terang benderang oleh pancaran kebenaran dan menempah sejarah kebangkitan akhir zaman di Timur seperti yang ALLAH jadualkan.

4. Berjuang dan berkorban sebelum Futtuh Makkah akan mendapat pahala dan darjat yang lebih besar da&



Moga-moga Pak Harto di sisi Ratu Adil seolah-olah Najasyi di sisi Rasulullah. Kelihatan beliau bersama Ibu Tien, ahli-ahli keluarga dan beberapa orang penting kerajaan sedang berdoa di Tanah Suci.





Atas: Pak Harto membongkok mengucup *Hajar Aswad*, diperhati oleh Wapres Try Sutrisno (di kiri beliau).
Bawah (dari kanan): Mensesneg (Setiausaha Negara) Bapak Moerdiono (*berkacamata hitam*), KASAD Wismoyo Aris Munandar, Bapak Try Sutrisno, KH Qosim Nurseha, Pak Harto, Ibu Tien, Siti Hardiyanti Rukmana.



Umat Islam sudah lama inginkan pemimpin-pemimpin bertaqwa untuk membawa mereka kepada Islam. Pak Harto mengambil berkat menziarahi maqam Rasulullah.



Sembahyang menghormati waktu. Bapak Presiden, Haji Muhammad Soeharto dan Ibu Tien di perut kapal terbang dalam perjalanan pulang dari Tanah Suci.



Pak Harto mengimami sembahyang jemaah. Ikut di belakang sebagai makmum, Setiausaha Negara Bapak Moerdiono dan Wapres Bapak Try Sutrisno.



Gandingan yang jitu. Bapak Presiden dan anggota-anggota kabinet barunya memenuhi saf hadapan semasa solat Idul Fitri 1413 Hijrah di Masjid Istiqlal, Jakarta.



Rombongan Al Arqam berhari raya di rumah Wakil Presiden (Wapres) Indonesia, Bapak Try Sutrisno.





Aktab dan mesra. Muslimah Al Arqam mendampingi keluarga Bapak Try Sutrisno (atas) dan bersama isteri Bapak Radinal Moochtar (bawah).



Menjalin silaturrahmi. Wakil-wakil Al Arqam Indonesia bersama Menteri Negara Riset dan Teknologi Republik Indonesia, Prof. Dr. B.J. Habibie, yang juga merupakan Ketua Umum ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia). Pandangan perjuangannya mirip kepada minda jemaah Darul Arqam.



Menteri Luar Negeri, Bapak Ali Alatas adalah antara tokoh veteran yang masih kekal dalam kabinet Pak Harto. Beliau dapat menyesuaikan diri dengan arus kebangkitan Islam dan bersimpati dengan jemaah Islam.



Menteri Koordinator Industri dan Perdagangan, Bapak Hartarto, menerima baik kehadiran wakil Al Arqam di majlis silaturrahmi Idul Fitri.



Menteri Pekerjaan Umum, Ir. Radinal Moochtar, sudi memberi masanya kurang lebih satu jam untuk berbincang dan mendengar tentang Jemaah Al Arqam.





Atas: Perbincangan informal dengan Menteri Agama, Dr. Tarmizi Taher. Beliau dikenal sebagai seorang muballigh dan kerap berceramah di lembaga-lembaga tinggi negara. Anaknya simpati kuat Al Arqam.
Bawah: Muslimah Al Arqam bersama Isteri Menteri Agama.



Wakil Al Arqam bersilaturrahmi dengan Menteri Perencanaan Pembangunan Nasional, Ir. Drs. Ginandjar Kartasasmita.



Pertemuan dengan Menteri Perhubungan, Dr. Haryanto Danutirto *(depan)* dan Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat, Ir. Azwar Anas *(belakang)*. Bapak Haryanto adalah juga Asisten IV Ketua Umum ICMI dan aktif di Yayasan Pondok Pesantren Al Kamal. Manakala Bapak Azwar sering memberi ceramah Islam dan ikut dalam keluarga alumni HMI (Himpunan Mahasiswa Islam).

pada sesudahnya. Demikianlah maksud firman ALLAH:

لَا يَسْتَوِي مِنكُم مَّنْ أَنفَقَ مِن قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَاتَلَ أُولَٰئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِّنَ الَّذِينَ أَنفَقُوا مِن بَعْدُ وَقَاتَلُوا

Tidak sama mereka yang berbelanja (berkorban) dun berperang (beqiuang) sebelum kemenangan (penaklukan Makkah); mereka lebih tinggi darjatnya dari orang-orang yang berkorban dun berjuang sesudahnya.

(Al Hadid: 10)

Presiden Soeharto, kerana yakin bahawa kebangkitan Islam itu telah dijadualkan oleh ALLAH, tentu ingin sekali memasukkan dirinya dalam senarai orang-orang awal yang akan menerima hadiah ALLAH. Yakni, bila disedari Islam akan berdaulat, terus berebut untuk menyertai kebangkitan ini. Ertinya, beliau yakin dengan janji ALLAH (bahawa Islam bangkit dari Timur) di waktu presiden-presiden dan perdana menteri lain ramai yang tidak mempeduli dan meraguinya, bahkan ada yang menentangnya. Lalu beliau berkorban untuk itu, walaupun kebangkitan itu belum memuncak, demi menguatkan Islam dan umatnya sekalipun risikonya berat. Maka nanti terjadilah kemenangan besar atas pengorbanan dan perjuangan yang sama-sama disumbangkan seperti yang ALLAH jadualkan.

Dengan itu akan tersenarailah nama Presiden Soeharto dalam senarai orang-orang awal yang berjuang dan berkorban di jalan ALLAH di akhir zaman, lalu layak untuk menerima darjat dan pahala yang sungguh besar, insya-ALLAH di dunia dan di Akhirat. Rasulullah mengingatkan: *

أَكْيَسُ النَّاسِ أَكْثَرُهُمْ ذِكْرًا لِلْمَوْتِ وَأَشَدُّهُمْ اسْتِعْدَادًا لَهُ

Orang yang paling cerdik ialah orang yang paling banyak menginga ti ma ti dun bersungguh-sungguh membuat persiapan untuknya.

5. Kalau tak silap saya, Pak Harto percaya pada ilmu-ilmu batin perihal orang Indonesia khususnya Jawa. Mereka meyakini akan satu ramalan dari kitab Babad Jawa yang mengatakan, di Nusantara ini akan terbentuk masyarakat yang adil dan makmur set&ah melalui tiga proses kepimpinan. Tiga kepimpinan tersebut ialah:

a. Satria Kinunjara — satria yang membebaskan negara daripada penjajahan.
b. Satria Mukti Wibawa — satria yang penuh wibawa.
c. Satria Piningit — satria yang dipinggit jati dirinya oleh Tuhan (disimpan oleh ALLAH). Dia tangan kanan Ratu Adil. Seorang pamungkas (penyudah), senopati (wira), khalifah (wakil ALLAH) dan seorang penata agama (dalam istilah bahasa Arab disebut *mujaddid).*

Barangkali ini pun jadi satu sebab penting yang menguatkan cita-cita Pak Harto untuk mengubah diri dan kabinetnya. Sebab Islam tidak menolak adanya khabar-khabar ghaib yang tepat, yang kalau pada orang soleh diberikan secara karamah dan pada orang-orang kafir, ALLAH beri secara istidraj. Nostradamus itu termasuk golongan yang menerima khabar-khabar ghaib secara istidraj. Barangkali Pak Harto ambil perhatian terhadap berita-berita ilmu batin. Sementelahan pula ia bertepatan dengan maksud Hadis.

6. Presiden Soeharto ialah bapak kepada 150 juta umat Islam. Tokoh-tokoh umat Islam sudah lama membawa masyarakat kepada Islam. Mereka sudah lama ‘menyertai jadual ini. Meieka pun sudah lama inginkan pemimpin yang bertaqwa untuk membawa Indonesia kepada Islam. Presiden tentu sedar tentang perkembangan ini. Sebab itu beliau pun merelakan dirinya untuk melayan keinginan umat Islam, yang juga telah menjadi keinginan mereka. Yakni ingin melihat Islam bangkit seperti yang telah dijadualkan.

Itulah beberapa alasan yang terfikir oleh saya sebagai sebab terjadinya kejadian besar di Indonesia itu. Moga-moga ianya benar, dan bagi umat Islam, hal ini adalah kurniaan ALLAH yang sangat besar, yang wajib disyukuri. Syabas Indonesia, kerana Presiden anda bijak. Di sisi Ratu Adil, moga-moga dia seolah-olah Najasyi di sisi Rasulullah.

Republika 22/4/93

Menpan: Atasan bisa Mengusut Asal Uang untuk Pesta Mewah

... Percepat Pelayanan

Wapres: Jangan Boroskan Utang Negara, Tingkatkan Pengawasan

Kabinet baru Indonesia memandang serius pada perkara-perkara membazir dan bermewah-mewah di kalangan orang-orang kerajaan. Manakala kebajikan golongan pensiunan (pesara) tidak dilupakan.

BERPELUKAN: *Wakil Presiden Try Sutrisno (kiri) berpelukan dengan salah seorang warga kota Medan seusai melakukan sholat Jumat bersama di mesjid Agung di ibukota Sumatra Utara tersebut. Wapres bersama Ny. Try Sutrisno berada di kota tersebut untuk meresmikan Pekan Raya Sumatra Utara yang diikuti 94 peserta dari dalam dan luar negeri. Pekan Raya tersebut diadakan untuk menyambut HUT Provinsi Sumatra Utara.*

Kompas 25/4/93

Wapres:

Tanpa Landasan Iman, Iptek Membahayakan Manusia

Yogyakarta, Kompas

Dalam proses pembangunan suatu bangsa, peranan ilmu pengetahuan dan teknologi (iptek) adalah penting di semua aspek. Tetapi tanpa landasan iman yang kuat, penguasaan dan pendayagunaan iptek itu kenyataannya dapat membahayakan umat manusia.

Demikian Wapres Try Sutrisno dihadapan lebih dari 10.000 umat Hindu, di Panggung Ramayana dan pelataran Candi Prambanan, dalam perayaan Dharma Canti Nasional, Sabtu (24/4) malam. Hadir pula dalam upacara itu, Menko Kesra Azwar Anas, Menag H Tarmizi Taher, Menparpostel Joop Ave, Gubernur DIY Sri Paku Alam VIII dan Pangdam IV Diponegoro, Mayjen T...

Selain sekit... yang berada di ... Ramayana Pram... Wapres menya... butannya, ribu... lainnya mender... monitor TV di ... Pada perayaan ... tetabuhan gam... Jawa itu, dip... *Sendra Wacana ... ta Aji Saka.*

Namun Wapr... Sutrisno serta ... dak ikut menik... men yang men... nya huruf Jaw... itu, karena lang... Jakarta dengan ... sua Pelita Air S...

Perlu...

Wapres menj... merupakan sara... gus wahana dal...

...capaian tujuan dan sasaran pembangunan. Namun ia mengingatkan, iptek hendaknya diperlakukan dengan cermat, harus berada dalam jalinan keterkaitan yang utuh, terpadu dan menyeluruh dengan semua aspek yang terkait.

"Oleh karena itu, sejalan dengan perkembangan iptek yang pesat, maka sikap mental bangsa perlu diperkuat dengan nilai moral keagamaan yang tangguh. Sehingga agama dapat berperan sebagai pengendali bagi sikap berfikir dan berbuat, dalam proses perubahan menuju pembaharuan dan kemajuan," ucap Try Sutrisno.

Selain iptek harus dilandasi iman, Wapres pun menyatakan, sikap keagamaan tidak boleh hanya mementingkan sisi ritual ...modasikan, semua upaya dalam memajukan dan mensejahterakan umat, melalui perbuatan dan karya nyata.

Pada kesempatan itu Wapres juga menegaskan, sebagai bangsa yang majemuk, semua pihak dituntut dapat berlaku arif dalam menangani setiap masalah, terutama yang berkaitan dengan agama. Sehingga tidak menimbulkan keresahan dan gejolak sosial, yang pada akhirnya menggoyahkan persatuan dan kesatuan.

"Perbedaan antar pribadi atau antar golongan bukanlah untuk dipertajam atau dipertentangkan. Adanya perbedaan itu merupakan sesuatu yang alamiah, yang justru harus dipandang sebagai titik kekuatan bangsa," ...

Bisnis Indonesia 4/4/93

Wapres selalu buka pintu untuk diajak berkonsultasi

JAKARTA (Bisnis): Wapres Try Sutrisno menegaskan tidak segan-segan akan turun langsung mengatasi hambatan pembangunan perumahan bagi rakyat kecil, jika memang ada hambatannya.

Karena itu dia memerintahkan Menteri Perumahan Akbar Tandjung jangan ragu-ragu melaksanakan tugasnya untuk memenuhi kebutuh... rakyat, termasuk ... oovasi kawasan kum... koordinasi dengan se... terkait, jika pers... bangunan perumahan ... rakat kecil menghadap... Jika hal ini masih bel... memberikan jalan kel... Wapres sendiri akan se... buka pintu untuk diajak ... sultasi," kata Akbar ... melapor di Istana M... Selatan, Sabtu.

Wapres juga mengingatk... Menpera membuka pintu ... masyarakat yang ingin men...

...paikan masalah-masalah yang berkaitan dengan perumahan dalam arti seluas-luasnya. Dalam hal ini, menteri menjamin bahwa rakyat bisa menyampaikan segala macam persoalan, misalnya yang berkaitan dengan pembangunan rumah, pemukiman ... atau ...

ini "kan untuk seluruh rakyat apalagi rakyat kecil dan lemah. Mereka inilah yang harus mendapat perhatian. Karena itu hendaknya para *developer* lebih mem... membangun ru... ...ng sederhana yang ... ...leh daya beli ... ...atanya.

...ankan pentingnya ... perumahan di da... ...agi hal itu telah ... ...an utama dari ... Presiden Soehar... ...ruksikan agar ... invetarisasi ... ...ah di seluruh ...

...risasi, kata ... dari 297 ... yang me... ...rah-daerah ... ...ten, belum ... Dengan ... sangat ... ...ng perlu

DI PESANTREN: Di sebuah pesantren PakTry mendapat sambutan meriah dengan gema Sholawat Badar. Bukti Pak Try dicintai rakyat.

Membangunlah, berkemajuanlah, asal dilandasi oeh iman, insya-Allah tidak akan sesat. Wapres (Wakil Presiden) Pak Try Sutrisno tidak main-main apabila membicarakan soal iman. Beliau orang yang rapat dengan lingkungan pesanren. Juga seorang yang bersikap terbuka.

4

Kabinet Baru Presiden Soeharto

SATU kejutan besar yang baru dibuat oleh Presiden Soeharto ialah susunan kabinet yang dilantiknya pada Ramadhan 1413 bersamaan Jumaat, 19 Mac 1993. Menteri Negara dan Olahraga yang baru, Hayono Isman, menamakan kabi-, net baru itu sebagai "kabinet berkat". Moga-moga kata-kata ini tidak keterlaluan. Sebab umum menteri-menterinya bercakap tentang iman dan taqwa. Walaupun cuma mungkin baru pada lahirnya, namun itu pun sudah terlalu berbeza dari sebelumnya. Memang di Malaysia pun sudah ada menteri menyebut perkataan taqwa ini, tapi bukan majoriti, dan itu pun begitu hambar sekali rasanya.

Boleh juga kabinet Pak Harto dikatakan kabinet rakyat. Ini berdasarkan saranan-saranan yang dibuat untuk kabinetnya itu begitu mengambil kira keperluan dan perasaan rakyat.

Kabinet baru Indonesia, kita harap betul-betul mengikut Jadual ALLAH. Walaupun baru hanya di tahap awal, tapi potensinya kelihatan membuka laluan kepada Islam. Yakni kepada kebangkitan Islam di Timur. Untuk buktinya, mari kita lihat watak-watak Islam kabinet ini:

1. Menteri-menteri yang baru dilantik di bulan Ramadhan itu, bila tiba pagi raya Idul Fitri, telah dikumpulkan semuanya dan dibariskan di saf hadapan, dengan pakaian unik. Yakni berkain labuh (tanpa kelihatan seluar panjang).

Untuk sama-sama sembahyang sunat dengan Pak Harto (lihat gambar). Ketaatan jemaah menteri untuk didisiplinkan begitu oleh Pak Harto adalah satu peristiwa yang mengharukan dan menarik simpati seluruh pencinta Islam Sungguh Pak Harto serius, dia bukan lagi bermain dengan agamanya.

2. Pemberitahuan awal Presiden Soeharto kepada calon-calon menterinya tentang perlantikan mereka dibuat begitu bersahaja, tetapi berbau Islam. Yakni memilih waktu-waktu selepas masing-masing sudah menunaikan fardhu sembahyang. Menteri Agama, Dr Tarmizi Taher, diberitahu supaya menelefon Pak Harto selepas dia selesai menunaikan sembahyang Asar. Begitu juga Drs. Abdul Latief, Menteri Tenaga Kerja (Menaker), dia diberitahu tentang perlantikannya waktu dia selesai sembahyang Subuh. Bila namanya disebut selepas Maghrib di tv, dengan jawatan baru itu, 20 saat dia sujud syukur, terus sembahyang Isyak dan sunat Tarawih.

Menteri Negara Urusan Peranan Wanita, Ny. Mien Sugandhi, yang aktif memimpin masyarakat kepada kesedaran hukum di kalangan wanita, juga sujud syukur bersama beberapa orang anggota Musyarawah Kerja Gotong Royong (MKGR). Drs Mar'ie Muhammad, Menteri Kewangan, setiap malam di bulan Ramadhan, rumahnya jadi tempat sembahyang Tarawih bersama. Menteri Kehakiman, Menteri Kesihatan, Menteri Perhubungan dan lain-lain menteri lagi, umumnya muka-muka baru. Kerana perlantikan tersebut, mereka terus teringat pada Tuhan dan bersyukur pada-Nya.

Mengapa Pak Harto memilih untuk bercakap melalui telefon kepada calon-calon menterinya di waktu sahur?

(Tempo, 27/3/93).

3. Maj.oriti ahli kabinet (90%) adalah orang Islam. Ramai juga daripada kalangan menteri-menteri baru itu yang

sebelum ini aktif dalam pergerakan Islam. Pak Harto berani untuk kecilkan bilangan orang-orang kristian dalam kabinetnya. Sungguh satu kesedaran Islam yang bukan main-main. Kalaulah motif mama Kabinet Pembangunan VI (Tinggal Landas) ini ialah ekonomi, teknokrat dan industri, apa salahnya dicari menteri-menteri dari kalangan orang kristian? Tetapi Pak Harto sanggup merombak portfolio ekonomi, yang selama ini dipegang oleh golongan kristian, untuk diberi kepada pasukan Islam.

Bagi rakyat Indonesia yang majoritinya Islam, bila Bapak Presiden melantik ramai menteri dari kalangan orang Islam, yang mereka itu pula orang yang sembahyang, aduh! terasa kebahagiaan yang bukan kepalang. Apalagi kalau sistem Islam benar-benar dipraktikkan.

(Editor, 2713193).

4. Keistimewaan kabinet Presiden Soeharto yang ke-6 ini (1993-1998) ialah berlakunya pengurangan bilangan tentera yang begitu ketara dalam kabinet. Hal ini sungguh terlihat betapa perubahan minda presiden dalam sikap pemerintahannya. Dan terlihat juga oleh kita satu wajah politik Indonesia yang sudah begitu berbeza dari sebelumnya. Ya, tentu berbeza pemerintahan tentera dengan yang tidak. Mungkin dulu memang perlu ramai tentera yang jadi ketua-ketua umum di negara Indonesia. Tapi kerana Bapak Presiden sudah berjaya menstabilkan keadaan politik, maka kembalilah Indonesia kepada keadaan yang tenang. Lalu kembalilah tentera ke kedudukan yang sebenarnya. Sungguh, mengurangkan tentera ini ertinya meletakkan tentera kepada fungsinya yang sebenar. Inilah keadilan yang terserlah dalam kabinet Indonesia ini. (Watan g/4/93).

5. Orang-orang baru dalam kabinet ialah orang-orang yang belum ada cita-cita politik yang tersendiri. Bila Pak Harto melantik mereka ini, ertinya, Pak Harto mahu menjadi guru politik mereka. Kerana mereka sebelum ini belum

dicorak oleh sebarang kefahaman politik. Maka di saat Pak Harto cenderung pada Islam, tentu murid-muridnya juga akan dibawa kepada Islam, sebagai tunjang politik mereka.

Mari kita perhatikan ahli kabinet Presiden Soeharto, yang mereka itu cenderung kepada Islam:

1. Wakil Presiden, **Bapak Haji Try Sutrisno.** Selalu mengunjungi pesantren beramah-tamah dengan Kiyai dan santri. Setiap kali beliau datang ke pesantren, para Kiyai memeluknya. Para santri berebut menyalaminya. Bahkan di pesantren tertentu, kedatangan Pak Try biasa disambut dengan salawat Badhar *(Media Indonesia,* 18/Z/1993).

2. Prof. Dr. Ing. B.J. Habibie, Ketua Umum ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia).

3. Dr. Haryanto Dhanutirto, Menteri Perhubungan, Asisten IV Ketua Umum ICMI dan aktif di Yayasan Pondok Pesantren Al Kamal.

4. Dr. Ing. Wardiman Djojonegoro, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Sekretaris Pelaksana Pengurus Harian ICMI.

5. Prof. Dr. Satrio Budihardjo Joedono, pengurus ICMI.

6. Prof. Dr. Sujudi, Menteri Kesihatan, aktif di Yayasan Pendidikan Islam Al Azhar.

7. Dr. Tarmizi Taher, Menteri Agama, alumnus fakultas kedokteran, mantan aktivis HMI (Himpunan Mahasiswa Islam), dikenal sebagai seorang mubaligh dan kerap berceramah di lembaga-lembaga tinggi negara.

8. Ir. Azwar Anas, Menteri Negara Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat, sering disebut da'i sebab selalu memberi ceramah Islam dan ikut dalam keluarga alumni HMI.

9. Ir. Akbar Tanjung, Menteri Negara Perumahan

Rakyat, pernah menjadi Ketua Umum PB (pengurus besar) HMI.

10. **Prof. Dr. Ibrahim Hasan,** Menteri Negara Urusan Pangan/Kepala Bulog, dikenal sebagai jurudakwah dan setiap Jumaat menjadi khatib. Selalu bertemu dan berdialog dengan ulama.

11. **Hayono Isman,** Menteri Negara Pemuda dan Olahraga, aktivis keagamaan dan Ketua Umum Pemuda Kosgoro. Beliaulah yang menyebutkan “Kabinet ini kabinet berkat” kepada wakil Al Arqam ketika diundang ke majlis silaturrahmi Idul Fitri di gedung Pemuda.

12. **H. Harmoko,** Menteri Penerangan, amalan kebiasaannya sehari-hari adalah salat Tahajjud dan membaca Al Quran, kebiasaannya membuat safar di bulan Ramadhan bertemu dengan masyarakat Islam.

13. Ny. **Mien Sugandhi (Siti Aminah),** Menteri Negara Urusan Peranan Wanita. Beliau yakin dengan bantuan Allah dengan salat Tahajud dan yakin dengan karamah para wali ALLAH seperti Wali Songo. Ini diungkapkan beliau ketika wakil Al Arqam silaturrahmi Idul Fitri di kediamannya.

Cukuplah 13 orang menteri yang disenaraikan sebagai contohnya. Saya rasa banyak lagi menteri-menteri yang lain yang juga cenderung kepada Islam dan simpati dengan jemaah Islam. Seperti **Bapak Yogie S. M, Bapak Ali Alatas SH, Bapak Drs: Mar’ie Muhammad, Bapak Ir. Ginandjar Kartasasmita, Bapak Drs Abdul Latief, Bapak Ir. Radinal Moochtar, Bapak Oetojo Oesman SH, Bapak Ir. Sarwono Kusumaatmaja** dan lain-lain lagi.

5

Pembasmian Kemiskinan

TERPAMPANG di dada suratkhabar di Indonesia, perihal seriusnya Presiden Soeharto dan kabinet barunya untuk mengatasi kemiskinan rakyat. Dengan tidak segan silu, bahkan penuh bertanggungjawab, Presiden telah mendedahkan bahawa 34% daripada kecamatan (mukim) dalam ke+adaan miskin *(Media Indonesia, 29/4/93).*

Inilah pengakuan jujur Pak Harto bahawa tanggungjawabnya masih besar terhadap rakyat Indonesia. Dan ingin sungguh-sungguh untuk basmikan kemiskinan itu. Dalam pidato Presiden (11/3/93) dikatakan 27 juta rakyatnya masih miskin.

Memang kita simpati dengan rakyat Indonesia yang kelihatan hidupnya masih dhaif. Tanpa menafikan adanya mereka yang hidupnya di atas taraf sederhana atau menengah. Ertinya, ada rakyat Pak Harto yang miskin, ada pula yang kaya. Dalam keadaan ini, insya-Allah Pak Harto boleh sampai pada matlamat perjuangannya. Memandangkan sebelum ini pun Presiden sudah pernah mengubah Indonesia dari sebuah negara pengimport beras terbesar di dunia, tetapi kini Indonesia dapat berswasembada beras (mampu memenuhi sendiri keperluan beras).

Suratkhabar Kompas (11/3/93) di bawah tajuk "Sang Pilot menuju Tinggal Landas" menulis:

> "Dari sebuah negara pengimpor beras terbesar di dunia, Indonesia akhirnya menjadi berswasembada beras. Bahkan

Pak Harto telah mendapat penghargaan langsung dari Organisasi Pangan Se Dunia (FAO)."

Indonesia luas daerahnya dan ramai penduduknya dibandingkan dengan Malaysia. Kalau Malaysia dikatakan sebuah rumahtangga yang punya anak satu, maka Indonesia adalah sebuah rumah dengan 18 orang anak. Memang jauh bezanya tanggungjawab seorang ayah yang punya satu anak dibandingkan dengan ayah kepada 18 orang anak. Kalau ayah itu boleh jayakan lima orang anaknya, itu pun sudah lebih baik dari seorang ayah yang menjayakan satu anaknya.

Pengagihan rezeki kepada rakyat jelata supaya masing-masing mendapatkan keperluan asas dan kemudahan hidup adalah kewajipan pemerintah. Demikian kata dan tuntutan Islam. Supaya jangan ada rakyat yang tidak cukup makan, tempat tinggal dan pakaian. Seeloknya, mereka juga mendapat segala kemudahan hidup tanpa bermewah-mewah dan membazir.

Demikianlah kesederhanaan dalam pandangan Islam. Sebab itu Pak Harto memegang prinsip "pola hidup sederhana" (Republika, 21/4/93). Rakyat yang kurang, mahu ditingkatkan. Manakala yang lebih hendak dikurangkan. Syabas Pak. Saya yakin semua Bapak telah niatkan kerana ALLAH, demi merebut darjat pemerintah yang adil di sisi ALLAH di Syurga nanti. Moga-moga Bapak sukses.

Saya selaku pejuang Islam, ingin memberi satu pandangan kepada Bapak Presiden. Ini tanggungjawab saya. Saya bukan pemerintah, cukup saya beri nasihat kerana ALLAH. Pandangan yang saya akan tuliskan ini lebih kurang sama saja dengan apa yang pernah saya cakapkan kepada Dr. Mahathir Mohamad sewaktu beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia dahulu.

Begini Pak:

Seorang yang sangat kaya dan seorang yang sangat miskin, kedua-duanya belum terjamin bahagia, selamat dan berjaya di dunia dan Akhirat. Lihatlah berapa banyak

orang kaya yang nasibnya buruk sekali. Tak kurang juga orang miskin jadi begitu. Tetapi dalam Al Quran, ALLAH lebih suka bercerita perihal orang-orang kaya yang binasa. ALLAH tidak ceritakan pun perihal si miskin yang jadi begitu. Siapa kata negara kaya lebih kuat dan negara miskin itu lemah?

Tengok negara Brunei, Arab Saudi dan Kuwait, itukan negara-negara umat Islam yang kaya-raya. Tapi betul ke mereka kuat? Negara-negara tersebut sebenarnya begitu lemah di sudut ketenteraan, rakyatnya kurang kreatif hinggakan di Brunei, mereka tidak ada akhbar harian sendiri. Kerana wang banyak, mereka lebih suka hidup goyang kaki. Tentera pun lemah. Hebat ke negara itu? Arab Saudi sampai hari ini tak boleh hadapi Israel. Kuwait lagi dayus menghadapi Iraq, sedangkan dia adalah ceti dunia.

Jelas bahawa wang bukan syarat pokok untuk kekuatan bangsa. Wang hanya akan jadi alat paling bernilai kalau ia berdiri di atas iman dan taqwa. Seorang yang kaya tanpa iman dan taqwa akan binasa lebih dari kebinasaan orang miskin yang tidak beriman. Negara kaya tanpa program bina iman dan taqwa yang serius akan rosak. Demikian juga negara miskin tanpa iman dan taqwa akan senasib dan lebih-lebih lagi rosak.

Sebab itu Rasul kita sebelum membangunkan empayar Islam, yang diperjuangkan untuk rakyatnya bukan Wang. Tidak ada satu pun projek wang yang Rasulullah sendiri usahakan. Tetapi baginda mengusahakan iman dan taqwa untuk rakyatnya. Dari sanalah segala kewangan orang-orang kaya digunakan secara betul, manakala orang-orang miskin redha dengan kemiskinan. Bersedia mengorbankan tenaga untuk pembangunan sistem Negara Islam.

Saya melihat sejak akhir-akhir ini Bapak Presiden makin serius bercakap tentang kemiskinan dan tentang iman dan taqwa sebagai sumber daya manusia. Maka saya hanya menambah dengan mengatakan basmikan kemiskinan dan kelemahan iman. Juga hiasi kekayaan dengan taqwa. Sung-

guh Pak, anak kita kalau tidak beriman kuat, dengan kekayaannya dia selalu menyakitkan hati kita. Barangkali yang miskin itu lebih pandai beradab. Maka kesungguhan Bapak untuk membising-bisingkan iman dan taqwa di samping membasmi kemiskinan adalah sesuatu yang bijak, satu pilihan yang tepat. Saya berdoa pada ALLAH moga-moga dipanjangkan umur Bapak demi melanjutkan usaha suci ini atau untuk memberi laluan seluas-luasnya kepada pejuang-pejuang di belakang Bapak nanti.

Laporan Kompas (25/4/93) memetik Wakil Presiden, Bapak Haji Try Sutrisno sebagai berkata, "Tanpa landasan iman, Iptek (Ilmu pengetahuan teknologi) membahayakan manusia."

Akhbar *Suaru Pembahumun* (25/4/93) memetik perkataan Abu Hortono, "Sesuai peringatan kepala negara seperti disampaikan pada Gabenor Pattipi, selayaknya para pejabat harus berusaha menghindari diri terhadap nafsu untuk menguasai harta dan terlalu mudah terkena godaan wanita (yakni dengan iman dan bertaqwa *Pengarang*

Abdullah Zaini pula berkata dalam artikel yang sama, "Pejabat jangan hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri. Tetapi ia berbuat untuk kepentingan masyarakat. Pejabat juga harus melaksanakan pola hidup sederhana sehingga ia menjadi teladan bagi masyarakat sebagai perujudan solidaritas sosial."

Akhbar itu selanjutnya menulis, "Wartawan jangan segan-segan memberikan kritikan. Kami minta rakan-rakan wartawan dari berbagai media massa baik cetak mahu pun elektronik supaya membantu melaksanakan sosial kontrol demi pembaikan."

Hakikatnya, bila seorang Presiden meminta supaya hati-hati terhadap harta, takhta dan wanita, maknanya dia mahu rakyatnya beriman dan bertaqwa. Sebab nafsu-nafsu liar yang ingin kepada harta, takhta dan wanita yang tidak halal hanya mungkin dapat diredakan kalau ada iman dan taqwa di dada.

Republika 21/4/93

Presiden Instruksikan Pola Hidup Sederhana PNS

Bappenas Mengungkap Kantong Kemiskinan di Indonesia

34% Kecamatan Masih Miskin

Harian Media Indonesia 29/9/93

Kompas

Ciptakan Program Memberantas Kemiskinan Melalui Koordinasi

Presiden Soeharto:

Jangan Biarkan Persaingan yang Matikan Pengusaha Kecil/Meneng...

Kompas 11/12/92

Serius dalam menangani masalah kemiskinan. Bapak Presiden denganpenuh bertanggungjawab telah mendedahkan tahap kemiskinan di kalangan rakyatnya, untuk diambil tindakan mengatasinya. Beliau juga menekankan prinsip kesederhanaan.



Silaturrahmi dengan Menteri Pemuda dan Olahraga, Bapak Hayono Isman. Beliaulah yang menamakan kabinet baru Indonesia sebagai "kabinet berkat". Daripada 41 anggotanya, sejumlah 36 orang (hampir 90%) beragama Islam.



Menteri Negara Perumahan Rakyat, Bapak Ir. Akbar Tanjung *(tengah)*, seorang yang cenderung kepada Islam. Beliau pernah aktif dalam HMI sebagai Ketua Umum PB (Pengurus Besar).



Pemuda-pemuda dan Muslimah Al Arqam bersama Menteri Negara Urusan Peranan Wanita, Ny. Mien Sugandhi, seorang yang aktif memimpin masyarakat kepada kesedaran hukum dan yakin pada bantuan ALLAH melalui solat Tahajjud.



Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Dr. Ing Wardiman Djoyonegoro *(kanan)*, aktif di dalam ICMI sebagai Sekretaris Pelaksana Pengurus Harian.



Pertemuan ramah mesra dengan Menteri Perindustrian, Ir. Tungki Ariwibowo.



Menteri Lingkungan Hidup, Bapak Ir. Sarwono Kusumaatmadja, sebaik saja dilantik menjadi menteri di jabatan yang baru, telah berkata kepada wakil Al Arqam: "Doakan saya ya! Tugas saya berat sekarang!"



Beramah mesra dengan bekas Menteri Kependudukan dan Lingkungan Hidup, Prof. Dr. Emil Salim.



Wakil Al Arqam diketuai oleh Ustaz Abd. Halim Abbas (belakang) menziarahi Bapak Hartono Marjono, Wakil Ketua Dewan Pertimbangan Agung, badan penasihat Presiden.





Atas: Perbincangan dengan pengusaha terkemuka Fadel Muhammad (kiri sekali) di rumah Menteri Pekerjaan Umum, Bapak Ir. Radinal Moochtar. *Bawah:* Bersama musisi (penggubah muzik) dan pengusaha terkemuka Setiawan Djodi.



Wakil Al Arqam bersilaturrahmi dengan Direktur Perusahaan Listrik Negara, Dr. Ir. Zuhal.



Bersama tokoh MUI dan tokoh ICMI, KH Prof. Ali Yafi *(bersongkok).*



Pertemuan wakil Al Arqam dengan pembimbing agama, KH Mawardi Labbai *(tengah)*, di Masjid Istiqlal.



Silaturrahmi dengan Bapak Abdurrahman Tarjo, Ketua BKPMI.





Beramah mesra dengan para diplomat. Bersama Duta Besar Tunisia ke Indonesia *(atas)* dan Duta Besar China ke Indonesia.

6

Silaturrahim Idul Fitri ke Rumah Menteri-Menteri

INDONESIA dalam sejarahnya menerima ujian-ujian yang besar. Sebab itu, adillah ALLAH kalau kemudiannya melimpahkan nikmat yang besar pula kepada Indonesia. Ya, Indonesia pernah dipengaruhi kristian dikeranakan kesilapan umat Islam di semua peringkat. Kerana berjuang dengan banyak menuduh pihak lain yang salah, tanpa membaiki diri dan jemaah sendiri.

Tetapi kini, Indonesia sedang disirami angin Islam. Seluruh rakyat Indonesia sedang merasakan bau-bauan ini. Apalagi bila Pak Harto sendiri membuat perubahan ke arah Islam. Menteri-menterinya dengan penuh taat, mengikut saja. Amat terasakan nikmat ini ketika mana wakil-wakil Arqam berhari raya di rumah-rumah menteri Indonesia. Berikut ialah sedikit laporan dari wakil Al Arqam di Indonesia, Muhammad Jundullah Asmid:

1. Bapak Haji Try Sutrisno, Wapres (Wakil Presiden Republik Indonesia), adalah seorang penganut agama yang kuat, menjadi imam sembahyang yang fasih bacaannya, dan Al Quran dan Hadis biasa meluncur dari mulutnya, kerana beliau dekat dengan kalangan pesantren (*Media Indonesia,* 18/Z/93). Akhir-akhir ini Wakil Presiden ini di antara pemimpin-pemimpin Indonesia yang serius berbicara soal-soal iman dan taqwa sebagai asas penting kepada pembinaan seluruh aspek hidup seperti IPTEK (ilmu pengetahuan

teknologi) (Kompas, Z/4/93).

Di silaturrahmi Idul Fitri 1413 yang lalu, wakil Al Arqam telah diberi peluang menyampaikan salam saya dan ucapan selamat hari raya dan selamat menjalankan tugas baru sebagai Wakil Presiden, bersama doa agar Pak Try dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya. Beliau dan isterinya kelihatan senang sekali.

2. Bapak Prof. Dr. Ing B. J. Habibie, Menteri Riset dan Teknologi, mempunyai pandangan perjuangan yang mirip kepada minda Jemaah Darul Arqam, terutamanya berhubung dengan:

a. Sumber Daya Manusia (SDM) yakni iman dan taqwa yang menurutnya sangat penting bagi kelangsungan bangsa.

b. Penyelesaian pada pendidikan sekular, yang memisahkan agama dengan teknologi. Katanya, penyelesaian itu adalah dengan cara mewujudkan sekolah sufi teknologi, yakni menggabungkan agama dengan teknologi.

Beliau ini menyambut kunjungan jemaah Darul Arqam dengan mesra. Beliau terkejut bila diberitahu bahawa sebahagian besar dari anggota kunjungan Al Arqam itu adalah mahasiswa-mahasiswi dari pelbagai jurusan seperti teknologi, komputer dan ekonomi di Universiti Indonesia (UI). Bila ditanya tentang hasrat jemaah untuk berbincang dengannya demi kebaikan diri dan negara, dia terus memanggil setiausaha peribadinya untuk tentukan tarikh pertemuan. Walhal tetamu itu jauh lebih muda dari beliau (lihat gambar).

3. Menteri Agama, Dr. Tarmizi Taher, menyambut anak-anak dari Jemaah Darul Arqam bagaikan keluarga. Bersalam mesra, sama-sama makan semeja sambil berbual-bual mesra. Katanya, beliau telah lama kenal jemaah Al Arqam. Kerana kebetulan anak beliau, Afghan, yang belajar di Rraunswich, Jerman, adalah seorang simpati kuat kepada

Jemaah Al Arqam.

Pak Menteri bahkan berkata, "Saya sudah Arqam dong! Sebab banyak orang Arqam yang tak pakai jubah serban."

4. Bapak Hayono Isman, Menteri Pemuda dan Olahraga. Beliau menjemput pemuda-pemuda Al Arqam ke acara halal bil halal, Departmen Pemuda dan Olahraga di sebuah Dewan Pemuda. Bila anak-anak itu meminta nasihat, beliau menjawab, "Sebenamya kamilah yang perlukan masukan-masukan ide-ide."

5. Ibu Mien Sugandhi (Siti Aminah), Menteri Wanita, walaupun zahirnya dia berbeza sekali dengan wakil-wakil muda Muslimah Al Arqam Indonesia, tetapi sudi beliau memberi lama masanya khusus melayan dan berbincang dengan Muslimah di rumah beliau. Kecenderungan Ibu Mien pada agama, memang luar biasa kalau dibandingkan dengan menteri-menteri wanita lain di dunia. Lihat apa katanya:

"Iman dan taqwa sangat penting dalam hidup kita."

Ibu Mien tidak pernah tinggal sembahyang. Beliau yakin bahawa dengan sembahyang Tahajjud, ALLAH akan pasti memberi petunjuk. Dan lebih aneh lagi, menteri yang ditinggalkan suami ini berkata, pernah seorang Wali Songo membisik-bisikkan ke telinganya memberi petunjuk. Beliau sangat yakin dengan soal-soal kerohanian, dengan pertolongan wali-wali dan bila akal tidak lagi mampu memberi jawapan pada kesulitan hidup, maka diselesaikan dengan solat malam.

6. Ir. Radinal Moochtar, Menteri Pekerjaan Umum, telah sudi memberi masanya kurang lebih satu jam untuk berbincang dan mendengar tentang Al Arqam. Kesimpulan yang diambilnya:

a. Mendesak Al Arqam mendatanginya, bawa kertas kerja; apa yang sudah. dibuat, apa yang sedang dibuat dan apa

yang akan dibuat. Katanya mereka akan bantu mana-mana yang boleh. Dia bertanya, "Apa yang boleh saya bantu?"

b. Seorang temannya yang hadir bersama seorang pengusaha terkenal, Fade1 Muhammad, tokoh BMI (Bank Muamalat Indsonesia), mempunyai ribuan anak buah, juga ingin membantu jemaah, mungkin dengan cara menganjurkan anak buahnya beli hasil produk Al Arqam.

Satu kegembiraan mereka ialah Al Arqam mandiri (berdikari), bukan kelompok peminta-minta sumbangan.

7. Bapak Ali Alatas SH, Menteri Luar Negeri, sangat ghairah dengan jemaah Al Arqam seelok mengetahui wakil Al Arqam kerap ke luar negeri membawa nama baik Indonesia. Lebih-lebih lagi bila dikatakan, "Bahawa di Uzbekistan, masalahnya sekarang sama dengan masalah Indonesia tahun 1966. Pak Harto telah dapat mengatasi masalah-masalah itu. Krisis etnis, rhengikis komunis dan masalah pagan, maka sepatutnya Presiden Uzbekistan, Islam Karimov belajar dari Pak Harto."

Lalu Bapak Ali Alatas SH terus mengajak wakil Al Arqam ke kantornya untuk menceritakan itu semuanya kepada sekjen (sekretaris jenderal) untuk diambil tindakan; bahawa Indonesia boleh bantu selesaikan masalah antarabangsa, sementelahan Presidennya sekarang adalah ketua kepada Negara-Negara Non-Blok.

Tentu Bapak Ali Alatas SH yakin dengan kebenaran dan kebolehan wakil Al Arqam itu untuk membantunya, memandangkan hubungan baik orang-orang Arqam dan Muslimahnya dengan duta-duta yang datang beraya di rumah Bapak Menteri Luar itu. Majlis (hadirin) kagum melihat orang Arqam gunakan bahasa Inggeris dan bahasa Cina, ketika berbincang dengan duta-duta dan perwakilan negara-negara asing.

8. Bapak Ir. Sarwono Kusumaatmaja, Menteri Negara Lingkungan Hidup (dulu Menpan), sebaik saja dilantik

menjadi menteri di jabatan yang baru, beliau mengucapkan kepada wakil Arqam:

"Doakan saya ya! Tugas saya berat sekarang!"

Menteri ini seorang yang yakin bahawa di samping kekuatan lahir ada kekuatan batin yang boleh membantu beliau menyelesaikan masalah masyarakat. Yang batin itu katanya, indera keenam (rasa hati). Pendiriannya yang begitu, barangkali yang membuatkan beliau sering menerima wakil Al Arqam di pejabat (kantor) dan di rumahnya. Al , Arqam menuru~nya, bukan hanya memperkatakan Islam, tetapi terus berbuat untuk Islam. Sebab itu beliau hargai dan mendukungnya.

9. Menteri Kesihatan, Prof. Dr. Sujudi. Wakil Al Arqam menyampaikan ucap selamat kepada beliau di masjid kampus Universiti Indonesia (UI). Sebelum beliau dilantik menjadi menteri, beliau adalah Rektor UI di mana sebahagian ahli Al Arqam turut belajar di sana di pelbagai jurusan. Di hari-hari solat Jumaat, pelajar-pelajar Al Arqam selalu bertemu beliau di masjid kampus UI. Beliau tidak pernah melarang siswa-siswinya mengenakan pakaian jilbab (tutup aurat), serban, jubah dan purdah. Sekarang beliau jadi menteri. Syabas Bapak Sujudi.

Selain dari yang di atas, menteri-menteri lain yang sudi bertemu dan menyambut baik rombongan Al Arqam ialah:

1. Menteri Kehakiman, H. Oetojo Oesman, S.H. (bertemu di Masjid Istiqlal).

2. Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Dr. Ing. Wardiman Djojonegoro (bertemu dengan wakil Al Arqam di kediaman Bapak Habibie).

3. Menteri Perhubungan, Dr. Haryanto Dhanutirto (bertemu wakil Al Arqam di kediaman Bapak Azwar Anas).

4. Menteri Negara Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat, Ir. Azwar Anas.

5. Menteri Negara Koordinator Bidang Industri dan Perdagangan, Ir. Hartarto.

6. Mantan (bekas) Menteri Lingkungan Hidup, Prof. Dr. Emil Salim.

7. Menteri Negara Perumahan Rakyat, Ir. Akbar Tanjung.

8. Menteri Negara Perencanaan Pembangunan Nasional/ Ketua Bappennas, Ir Drs. Ginandjar Kartasasmita.

9. Menteri Pariwisata, Pos dan Telekomunikasi, Jop Ave (seorang menteri non-Muslim), bertemu wakil Al Arqam ketika wakil Al Arqam bersilaturrahmi di rumah Bapak Wakil Presiden.

10. Bapak Drs. Mari'e Muhammad, Menteri Kewangan, ditemui wakil Al Arqam di Masjid Istiqlal.

11. Bapak Moerdiono, Menteri Negara Sekretaris 'Negara, pernah bertemu wakil Al Arqam di majlis silaturrahmi Idul Fitri di Dewan Sekretaris Negara.

12. Bapak Haji Harmoko, Menteri Penerangan, ditemui wakil Al Arqam di majlis halal bil halal di kantornya.

13. Bapak Soesilo Soedarman, Menteri Politik dan Keamanan, ditemui wakil Al Arqam di Masjid Istiqlal.


14. Bapak Singgih, S.H., Jaksa Agung. Wakil Al Arqam pernah bersilaturrahmi di rumah beliau.

Ada di kalangan mereka yang berkata kepada wakil Al Arqam, dalam pertemuan yang bukan sekali itu, bahawa mereka kenal dan sokong Arqam. Kerana Arqam berdiri sendiri (mandiri) melalui kedai, pabrik dan lain-lain projek. Walaupun Arqam tidak berseminar tapi menghasilkan banyak aktiviti. Mereka bersedia menyokong kerja-kerja positif itu. Terima kasih kepada Pak Harto kerana kejayaan tidak *bias* pada rakyatnya dan berjaya memilih anggota kabinet yang dirasakan selari dengan cita-cita perjuangannya.

Perginya trio "RMS" dinilai sebagai menangnya kelompok teknolog. Tapi betulkah beleid ekonomi akan berubah? Itu banyak tergantung kiat trio baru Afiff, Mar'ie, dan Djiwandono.

Setelah Soeharto

Menelepon di Kala Sahur



DEMAM "AIDS" di kalangan pejabat tinggi dan orang-orang penting di Jakarta sudah lewat. "AIDS" – istilah yang beredar luas sampai di kalangan para menteri – yang ini sama sekali tak berbahaya, bahkan sangat ditunggu-tunggu bagaikan menunggu wangsit. "AIDS" yang menyenangkan ini adalah "Aku Ingin Ditelepon Soeharto". Begitulah, Presiden Soeharto telah menelepon sejumlah orang untuk diminta membantunya sebagai menteri, sepanjang pekan lalu.

Umumnya mereka yang "kejatuhan bulan" itu ditelepon Pak Harto di kala sahur di bulan puasa ini – meski ada yang ditelepon menjelang buka puasa. Dan di pagi menjelang subuh itu Pak Harto konon masih sempat [illegible] untuk membuka percakapannya. Ada yang kabarnya ditanyai "Lho, kok Saudara ada di dekat telepon." Ada pula yang ditanya soal kesehatan. Seorang menteri, yang mendapat telepon pukul tiga dini hari Sabtu pekan lalu, tak lupa diingatkan oleh Pak Harto agar jangan tidur lagi selepas sahur.

Pembicaraan berlangsung singkat. Bahkan, tak seperti lima tahun lalu, Pak Harto tak menghu[illegible] calon menteri menemuinya di [illegible] Jalan Cendana atau di [illegible] Tapos, Bo[illegible]

Tapi ada [illegible] Siti Hardij[illegible] beredar seba[illegible] Sosial. Di saa[illegible] Sinetnya Rab[illegible] beng ke Bosto[illegible] tanya yang s[illegible] kecele ketika N[illegible] gota DPR dari [illegible] VII, oleh Presid[illegible] Sosial

Lucunya, [illegible]

Beberapa rumah orang penting dikabarkan sudah kebanjiran karangan bunga berukuran kecil sampai besar. Ternyata, setelah Pak Harto mengumumkan kabinetnya, nama si Polan tak disebut-sebut.

Akhirnya sebuah lembaga eksekutif pun terbentuk: Kabinet Pembangunan VI. Diumumkan Presiden Soeharto, yang didampingi Wapres Try Sutrisno dan Mensesneg Moerdiono, Rabu malam lalu dan dilantik menjelang salat Jumat lalu, inilah kabinet yang akan mengantar Republik memasuki pembangunan jangka panjang tahap kedua. Maka persiapan menjelang tahap yang dibah kompartemen Polkam dan Kesra. Empat kompartemen ini masing-masing akan dipimpin oleh seorang Menteri Koordinator (Menko).

Kabinet kali ini tak berbeda jauh dengan kabinet lalu, dalam hal jumlah orang. Kabinet Pembangunan (KP) V mempunyai 38 menteri dan tiga pejabat setingkat menteri. Selain itu ada 3 Menko. Kabinet kali ini juga punya 38 menteri negara dan tiga pejabat setingkat menteri. Namun kali ini jumlah Menko bertambah satu. Yang menarik, dalam kabinet ini tak ada lagi jabatan menteri muda – yang pertama kali dikenal pada KP III yang dilantik di tahun 1978. Barangkali, dihapuskannya menteri muda ini ada kaitannya dengan upaya meningkatkan koordinasi tadi (Lihat: *Pergesekan Sampai Lapangan Parkir*).

Di antara 38 menteri negara, yang menarik adalah tampilnya kembali Harmoko sebagai Menteri Penerangan untuk ketiga kalinya. Dari panjangnya masa tan[illegible] prestasi Harmoko sudah melampaui para pendahulunya [illegible] [illegible] seperti Ali Moertopo [illegible]

14

Suasana Haru Cekam Rumah para Menteri Baru

18 - MARET - '93 - MEDIA INDONESIA



BERSYUKUR: Ny. Mien Sugandhi bersembah syukur setelah namanya disebutkan sebagai Menteri Negara Urusan Peranan Wanita dalam Kabinet Pembangunan VI yang diumumkan tadi malam.

Calon-calon menteri diberitahu tentang perlantikan mereka secara bersahaja tetapi berbau Islam.

7

Highway buat Badan-Badan Islam

ADALAH bukan rahsia lagi bahawa di Indonesia sejak puluhan tahun kebelakangan ini, umat Islam bergerak aktif untuk Islam. Sulit untuk dilojikkan mengapa hal itu boleh terjadi, di waktu dunia sedang asyik mahsyuk dengan ideologi-ideologi dan isme-isme tajaan Yahudi dan kristian. Siapa penganjur awal kepada *'trend* Islam ini? Soalan yang sukar hendak dijawab. Tetapi bagi umat Islam, cukup dengan mengatakan bahawa ianya ketentuan ALLAH yang kuasa-Nya *"Km* fayakun" (Jadi! terus jadi!). Kerana memang ALLAH sudah janjikan melalui lidah Rasul-Nya bahawa di akhir zaman Islam akan bangkit dari Timur.

Pergerakan Islam itu dibuat atas banyak platform atau wadah. Masing-masing jemaah atau harakah atau persatuan atau parti atau organisasi itu bergerak dengan cara-cara tersendiri menuju kepada Islam. Maka dengan itu, riuh-rendahlah orang memperkatakan Islam dan tersebar luaslah nama Islam itu ke seluruh pelusuk tanahair. Di samping sedikit sebanyak memberi kesan-kesan perubahan kepada cara hidup umat Islam.

Tapi, setakat mana sangatlah upaya seorang anak yang bekerja tanpa sokongan dari bapanya? Tentu kecil sekali hasilnya dibandingkan dengan keberhasilan seorang anak yang dibantu dan didorong usahanya oleh bapanya. Demikianlah, badan-badan Islam swasta yang bergerak secara sendiri-sendiri itu pun setakat mana sajalah kesannya jika

tidak disokong oleh kerajaan. Tetapi kalau kerajaan bersedia membantu di belakangnya, atau kerajaan ikut serta menjalankan kerja-kerja perjuangan Islam, nescaya hasilnya akan jadi berkali-kali ganda lagi. Bahkan ia akan bertaraf nasional dan internasional.

Lihatlah sejarah Mao Tse Tung mengkomuniskan negara China. Walaupun ajaran itu begitu sesat sekali, tetapi ia dapat disampaikan ke setiap sudut, lurah, bukit, gaung, gunung dan hutan-hutan yang ada penghuni di Negeri China itu. Kerana ia diperjuangkan secara nasional oleh ketuanya sendiri yang memerintah Negeri China waktu itu yakni Mao Tse Tung. Kalau kita menjelajah ke ceruk rantau Negeri China, kita akan kagum melihat kejayaan Mao Tse Tung mengkomuniskan rakyatnya, cuma dalam masa lebih kurang 40 tahun. Sebab negara itu sangat sulit perhubungannya, kerana ia tidak membangun macam negara kita. Tidak punya sistem-sistem dan alat-alat perhubungan canggih. Tetapi bagaimana ajaran karut itu dapat disampaikan dan diterima sepenuh hati oleh rakyat jelata di celah-celah bukit-bukau itu?

Ya, salah satu sebabnya ialah kerana ia datang dari pemerintah. Sementelahan pada rakyat, agama (cara hidup) rajanya itulah agama (cara hidupnya).

Rasulullah bersabda:

اَلنَّاسُ عَلَى دِيْنِ مُلُوْكِهِمْ

Manusia itu mengikut agama pemerin tahnya.

Ertinya, manusia itu beragama mengikut agama raja mereka. Sebab itulah Islam pun sangat menganjurkan adanya pemerintah yang Islam, sebagai alat yang sangat berkesan untuk menyebar dan membangunkan sistem hidup Islam. Sementelahan pula di zaman ini, sistem, alat dan teknik perhubungan begitu canggih, maka sudah tentu seorang pemerintah dapat meng-Islamkan negara dan rakyat dengan lebih cepat lagi.

Jadi kalau Presiden Soeharto merelakan dirinya untuk itu, ianya merupakan satu tuah besar untuk Islam dan umatnya di Indonesia. Sungguh ini satu sejarah besar yang diciptakan oleh Pak Harto dalam sejarah perjuangannya. Dan insya-ALLAH, Pak Harto akan dapat pahala yang besar di sini, sekaligus sebagai penghapusan dosa-dosanya. Sebab Rasulullah ada bersabda:

اتَّقِ اللهَ حَيْثُمَا كُنْتَ وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا
وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Hendaklah kamu takutkan ALLAH di mana saja kamu berada, hendaklah susuli kejahatan dengan kebaikan semoga ia menutupinya, dun berakhlak baiklah dengan manusia.

(Riwayat Ahmad, At Tarmizi dan Al Baihaqi)

Saya melihat apa yang dilakukan oleh Pak Harto akhir-akhir ini menepati nasihat Rasulullah itu. Yakni dia cuba menutup kesilapan-kesilapan yang silam dengan kebaikan-kebaikan yang sepadan. Sesudah itu dia berusaha berakhlak baik dengan rakyatnya. Sikap ini adalah sangat baik. Sungguh kita terharu dengan sikap Bapak Presiden ini. Saya berharap pada rakyat dan pada mana-mana individu yang pernah terguris hati dengan Bapak Soeharto, maafkanlah beliau. Pandanglah kebaikan besar yang diusahakannya. ALLAH sendiri menilai hujung umur hamba-Nya. Kalau baik di hujung, pasti diterima baik, walaupun sebelum itu hamba itu melakukan kesalahan dan kesilapan.

Rasulullah pula tidak berdendam langsung pada orang-orang yang sangat menyusahkannya. Misalnya terhadap **Sayidina Khalid,** yang memusuhi Rasulullah sebelum Islamnya. Begitu juga dengan **Abu Sufian.** Rasulullah bukan saja tidak bertindak bahkan mengungkit-ungkit pun tidak. Jadi, buktikanlah kebaikan kita dengan bersifat pemaaf dan tidak berdendam. Dan bersabarlah dengan ALLAH dan de-

ngan pemimpin kita dalam kebaikan yang diinginkan.

Badan-badan gerakan Islam yang ada di Indonesia, bertindaklah sebagai petugas, penasihat, pembantu dan penyokong kepada Presiden dengan mengisi diri, rumahtangga dan jemaah masing-masing. Niat baik, usaha-usaha suci dan rancangan-rancangan perjuangannya yang selaras dengan syariat, janganlah dipandang kecil atau disalahertikan atau jangan mengambil kesempatan darinya untuk kepentingan peribadi.

Kalau perlu dinasihat, nasihatkanlah! Kalau perlu ditegur, ditegur! Jika perlu disokong, sokonglah! Dan sekiranya perlu dibantu, dibantu! Itu kan tugas ulama. Ulama tugas utamanya menasihati pemerintah, bukan nak memerintah. Kecuali apabila tiada lagi pemerintah yang Islam, maka kerana tidak boleh, tidak ada pemerintah, maka wajiblah ulama berusaha dengan penuh hikmah untuk wujudkan pemerintahan Islam. Tanpa menimbulkan sebarang huru-hara. Yakni dengan penuh akhlak dan toto keromo.

Indonesia bertuah, ALLAH pilih presidennya untuk ikut serta menegakkan agama-Nya. Maka badan-badan penegak agama di seluruh Indonesia mesti menggunakan *highway* yang dibina oleh Pak Harto ini. Antara perkara-perkara yang telah dibuat oleh Pak Harto yang memberi *highway* kepada badan-badan Islam ialah:

1. Pak Harto sudah benarkan tv menayangkan majlis zikir Tareqat Naqsyabandi, yang turut dihadiri oleh ahli-ahli tareqat dari Singapura, Brunei dan lain-lain tempat. Ini kan satu laluan yang sangat besar untuk Islam sedangkan tv di negara lain, sesetengahnya mengharamkan program seperti itu. Cuma perlu diingat, Islam bukan zikir saja. Kegiatan fardhu kifayah dalam Islam itu cukup banyak.

Maka kenalah badan-badan Islam menzahirkan sistem dan kegiatan fardhu kifayah itu dalam kehidupan mereka.

Yakni dengan mengadakan khidmat masyarakat seperti membangunkan sekolah-sekolah, hospital, pabrik, kedai-kedai Islam, mini market Islam, projek-projek pertanian dan lain-lain sistem hidup lagi. Supaya kita boleh tayang di tv perihal kesempurnaan Islam. Apalagi di waktu pemerintah sudah mahu sensor program tv yang karut-karut. Kekosongan program karut itu patut diisi dengan program yang bercorak Islam. Inilah masanya badan-badan Islam buktikan kemampuan Islam menangani media elektronik yang sangat berkesan ini.

2. Presiden juga sudah membangunkan 600 buah masjid Muslim Pancasila di seluruh negara. Sesudah itu beliau menganjurkan agar mengaktifkan Remaja Masjid dan Perpustakaan Masjid. Ertinya, Bapak Presiden mahu rakyat bersembahyang dan menghidupkan masjid dengan aktiviti Islam. Maka usaha-usaha mengajak umat Islam sembahyang dan mengaji fardhu ain dan lain-lain lagi, perlu digiatkan oleh para pejuang Islam. Ceramah-ceramah agama dengan materi, yang membawa kesedaran, membina iman dan taqwa serta membangun semangat pengorbanan dan perjuangan perlu dibanyakkan, dengan menggunakan berbagai-bagai bentuk media cetak dan elektronik.

Tidak bolehlah pejuang-pejuang Islam memperjuangkan Islam hanya menggunakan gigi dan lidah sahaja serta berpusat di masjid-masjid sahaja. Sedangkan musuh-musuh Islam menyesatkan umat dengan menggunakan 1001 macam media dan saluran, di dalam seluruh sistem hidup manusia. Kalau badan-badan Islam tidak boleh lawan kelajuan aliran budaya kuning dalam masyarakat, ertinya kita tidak akan mampu membawa masyarakat kepada Islam.

Inilah cabaran untuk perjuangan kita. Kita perlu tahu bahawa pejuang-pejuang kristian itu umpamanya, berjaya mendidik orang-orangnya untuk menjadikan hidup mereka semata-mata untuk perjuangan dakyah mereka. Sedangkan hampir tidak ada umat Islam yang menjadikan hidup

untuk dakwah. Sebagai bukti kenyataan ini, biar saya ceritakan pengalaman seorang kapten tentera di Malaysia yang telah membanci (sensus) orang-orang bawahannya tentang tujuan hidup mereka. Katanya, hasil kajiselidik itu, dia mendapati hampir semua anggota tentera yang Islam menulis tujuan hidup mereka untuk bahagia. Tetapi hampir semua anggota yang kristian menulis, hidup untuk dakwah.

Lalu tidak hairanlah mengapa terjadinya orang kristian dapat menguasai umat Islam di seluruh dunia ini. Tetapi kita tidak boleh menyalahkan musuh. Itu kan perjuangan mereka. Mengapa kita yang malas berjuang untuk mengatasi perjuangan mereka?

Pada saya, perjuangan Islam di zaman ini bukan dengan peperangan dan kekerasan senjata, bukan dengan demonstrasi, mengata-ngata orang, dan bukan dengan berslogan-slogan. Lebih-lebih lagi bukan dengan fitnah dan tohmah. Tetapi bentuk perjuangan sekarang ialah dengan dakwah atau perang saraf atau peperangan fikiran dan minda dengan menunjukkan contoh yang baik, dengan akhlak. Banyak berbuat dari bercakap .

Strategi untuk ini ialah secara lembut, berakhlak dan menawan hati. Segala ketegangan, pidato panas, tunjuk perasaan dan huru-hara akan membuatkan orang hilang kepercayaan dengan Islam. Barangkali orang akan lebih tertawan dengan cara perjuangan kristian yang banyak memberi khidmat pada masyarakat. Para pejuang Islam harus faham dan beri perhatian penting pada ha1 ini. Utamakan pembinaan sistem hidup Islam contoh yang sangat indah itu. Yakni berbuat untuk menzahirkan kebenaran dalam realiti hidup, bukan setakat memperkatakan kebenaran.

3. Pak Harto sudah menubuhkan Bank Muamalat Indonesia (BMI). Ini pun satu highway kepada pejuang-pejuang Islam. Yang mana harakah-harakah dan jemaah-jemaah Islam mesti mengisi kesempatan ini sebagai satu saluran yang berguna untuk perjalanan sistem dan projek-projek

ekonomi Islam dalam jemaah mereka. Tiada alasan lagi kerajaan tidak beri laluan ini.

4. Pak Harto juga, melalui Menteri Pendidikan dan Kebudayaannya, telah membenarkan pemakaian jilbab secara nasional. Maka pejuang-pejuang Islam mesti giatkan usaha-usaha meyakinkan para wanita dengan konsep menutup aurat yang begitu indah dalam Islam. Pelbagai saluran media untuk menyampaikan maklumat ini kepada seluruh wanita Indonesia mesti diusahakan. Alangkah indahnya bumi Indonesia ini nanti bilamana wanita-wanitanya begitu malu untuk mendedahkan (membuka) harga diri mereka. Lalu menutup aurat mereka.

5. Bapak Presiden, melalui Yayasan Amal Bakti Muslim . Pancasila dan Yayasan Darmais pimpinannya, telah berusaha mengirim 1000 mubaligh ke kawasan-kawasan transmigrasi dan pedalaman serta membiayai hidup mubaligh selama 3 tahun. Ini satu hal yang sangat besar ertinya. Para pejuang Islam patutnya menambah 1000 lagi mubaligh yang ikhlas, gigih, berpengalaman dan tahan lasak untuk membantu menjayakan hasrat murni Bapak. Atau turut mendorong para mubaligh Pak Harto itu supaya benar-benar menjalankan kerja-kerja ALLAH, demi menjayakan hasrat Bapak itu.

6. Presiden juga telah merestui terbitnya suratkhabar *Republika,* yang ditaja oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI). Dan tentunya beliau juga merestui terbitnya majalah-majalah dan akhbar-akhbar Islam lainnya. Lalu badan-badan Islam hanya tinggal mengisinya sahaja. Isian yang penuh didikan, ilmu pelajaran Islam dunia dan Akhirat, berita-berita kegiatan dan perkembangan perjuangan Islam dan lain-lain, yang motifnya membawa kepada pembangunan insan (sumber daya manusia) dan pembangunan tamadun material umat Islam. Supaya umat

Islam ada identiti dan kekuatan tersendiri lahir dan batin yang berbeza dengan orang yang bukan Islam.

7. Pak Harto turut merestui program-program kebudayaan yang bernafaskan Islam seperti Festival Istiqlal. Usaha-usaha mencetuskan seni budaya Islam juga amat perlu dibuat oleh pejuang Islam. Jelas bahawa melalui bidang seni suara, filem-filem dan video, masyarakat akan beri sambutan hangat. Maka kalau Islam boleh mengisi ruang ini, tentu masyarakat lebih cepat dapat dibawa kepada pembangunan sistem Islam.

8. Pola hidup sederhana yang disarankan oleh Bapak adalah suatu yang sangat tepat dengan ajaran Islam. Sebab itu badan-badan Islam mesti segera menyahutnya. Yakni dengan menunjukkan contoh hidup sederhana yang dikehendaki oleh Islam. Sederhana tetapi hebat. Yakni individu-individunya menggunakan kekayaan peribadi untuk membangunkan kekayaan jemaah, negara dan masyarakat. Maka terjadilah suasana seperti rumah mewah diduduki oleh orang-orang yang zuhud. Sedangkan ha1 ini tidak berlaku dalam masyarakat hari ini. Kerana individu mengkayakan diri sendiri, membiarkan jemaah, negara dan masyarakat miskin Seolah-olah mereka adalah orang-orang mewah yang tinggal di rumah buruk. Ya, mewah tetapi tidak hebat dan tidak gagah nampaknya.

Dalam Islam, individu-individu hidup miskin kerana memberi kekayaan pada jemaah Islam. Tetapi miskinnya bukan hina kerana mereka berlindung dalam jemaah yang kaya. Inilah miskin yang hebat namanya. Kerana dalam Islam, individu menguatkan jemaah, jemaah menguatkan individu. Inilah jalan menuju kepada negara maju dan masyarakat makmur. Moga-moga badan-badan Islam di Indonesia, khususnya jemaah Darul Arqam, dapat buktikan konsep ini dalam jemaah dan negara. Kita yakin Bapak Presiden akan berbangga dengan pola hidup yang begini.

9. Pak Harto melancarkan Kabinet Pembangunan VI dalam era "Tinggal Landas" memasuki PJKT II (Projek Jangka Panjang Tahap Kedua), Indonesia menuju kepada negara ekonomi dan industri. Suka saya nyatakan juga bahawa dasar ini pun tepat seperti yang Islam perintahkan. Islam suka umatnya mandiri atau berdikari. 9 daripada 10 rezeki itu ada dalam perniagaan, kata Rasulullah. Sebab itu umat Islam janganlah bersandar hidup pada makan gaji saja. Belum kita lihat orang yang kerja makan gaji itu jadi jutawan. Ertinya, negara yang rakyatnya hanya suka makan gaji, itu sulit untuk menjadi negara maju. Lihatlah negara-negara maju itu. Ia terbentuk hasil berjayanya perindustrian, perniagaan dan pertanian.

Oleh itu umat Islam kalau mahu maju mesti berdiri sendiri dengan segala perusahaan, perkilangan, penternakan, perniagaan, pertanian dan lain-lain lagi. Tetapi projek ini tidak mungkin berjaya dan membesar kalau dibuat oleh peribadi-peribadi umat Islam yang umumnya miskin-miskin. Badan-badan Islam mesti anjurkan supaya projek-projek ini semua dibuat secara berjemaah. Dengan jemaah, segala urusan perkilangan, pengedaran, pemasaran dan pelanggan dapat diatasi. Inilah tugas badan-badan Islam dalam mengisi highway yang Pak Harto sudah bukakan.

Sebenarnya macam-macam lagi *highway* yang Bapak Presiden sendiri rintis dan teroka untuk meng-Islamkan Indonesia. Badan-badan Islam mesti mengisi, membantu dan sama-sama memperjuangkan cita-cita Islam Bapak Presiden Indonesia ini. Sama-sama membaiki diri, keluarga dan masyarakat dengan iman dan taqwa serta membangunkan pembangunan material yang Islami bertunjangkan pembangunan insan (sumber daya manusia).

Segala pembangunan yang sudah pun ada di Indonesia itu mesti dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan cara mendidik pekerja-pekerja dengan iman dan taqwa. Supaya mereka akan jujur, amanah, rajin, tidak menyalahgunakan kuasa, tidak menipu, tidak bermewah-mewah, tidak

berhasad dengki dan tidak berdendam. Supaya saling bantu-membantu, bertolak-ansur, berkasih sayang dan bekerja kerana ALLAH untuk negara dan masyarakat seperti yang Bapak Presiden inginkan. Bukan semata-mata untuk kepentingan peribadi dan duniawi.

Saya rasa tiada alasan lagi bagi badan-badan Islam untuk tidak berbuat, Jalan sudah direntang di atas tanah, tidak perlu lagi kita berjalan di bawah tanah. Kelemahan pemerintah atau jemaah lain bukan untuk lmelambatkan kerja kita, tetapi untuk menambahkan kerja lagi. Tampung mana yang kurang, sokong mana yang baik, dan jadikan kerja-kerja Islam itu kerja bersama kita.

Kabinet baru Indonesia

Pengaruh tentera berkurangan

WATAN 9/4/93

Kotaray
pusat utama pemb

Pemimpin utama dari kalangan tentera yang terkeluar dalam rombakan ini ialah Menteri Pertahanan, Benny Moerdani...

Susunan TEH ROHAYA

PERLANTIKAN semula Suharto sebagai presiden Indonesia untuk penggal keenam secara langsung membuktikan kemenangan musyawarah di kalangan pemimpin politik di negara itu, seperti yang ditunjukkan dalam proses perlantikkan Tri Sutrisno, bekas pembantu peribadi Suharto sebagai naib presiden di kalangan ahli-ahli Dewan Perhimpunan Rakyat.

Suharto itu kemudiannya diikuti pula oleh susunan semula kabinet Indonesia yang telah memperlihatkan perubahan yang amat ketara, terutamanya apabila lebih ramai pemimpin dari kalangan orang awam dan Islam dinaraikan, berbanding dengan lima kabinet Suharto sebelum ini.

Dalam kabinet barunya seramai 41 orang itu, Suharto telah melantik 22 muka baru yang merupakan pemimpin mu

dianggap oleh pemerhati sebagai langkah Suharto untuk mengurangkan peranan tentera, yang sebelum ini masih amat diperlukan bagi menjamin dan memelihara ketenteraman awam, yang dianggap amat perlu untuk menyediakan asas-asas serta prasarana pembangunan ekonomi, di negara yang berpenduduk kira-kira 200 juta itu.

Suharto yang dijangka akan melepaskan jawa

tamat tempoh penggal keenamnya itu dipercayai sudah merasa amat selesa dengan ketenteraman awam dan dijangka akan menerus serta mempertingkatkah usaha membangunkan ekonomi, terutamanya melalui pembangunan industri pembuatan, kerana kabinet barunya memberikan lebih banyak kerusi kepada pemimpin yang berpengalaman luas dalam sektor ekonomi, kewangan dan industri.

lami kehilangan
dalam beberapa
lio penting, ker
lam kabinet te
sebelas orang
memiliki latarb
tentera, tetapi
hanya lapan or
haja yang tingga
hanya dua oran
yang masih dala
rai perkhidmata
Pemimpin uta
kalangan tente
terkeluar dalam
kan ini ialah
Pertahanan,
Moerdani, yan

8

Politik Indonesia Tenang

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ

Bertaqwalah, *nescaya* ALLAH akan ajar kamu.

(Al Baqarah: 282)

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا

Barang siapa bertaqwa nescaya ALLAH mempermudahkan urusannya.

(Ath Thalaq: 4)

Demikian janji-janji ALLAH kepada orang yang memiliki taqwa. Yakni:

1. Janji untuk menolong, membela dan memi.mpin mereka.
2. Janji untuk melepaskan atau menyelesaikan masalah yang dihadapi.
3. Janji untuk memberi subsidi (barakah) dalam sebarang kerja yang dibuat.
4. Janji untuk memberi rezeki dari jalan yang tidak diduga.
5. Janji untuk ditunjuk ajar, difahamkan, diilhamkan dan diberi jalan dengan terlepas dari tipu daya musuh.

Banyak lagi ayat-ayat yang mengandungi janji-janji

ALLAH untuk menghapuskan dosa, diterima doa dan ibadah serta lain-lain lagi bagi si hamba yang bertaqwa pada-Nya. Ertinya, mengusahakan taqwa itu samalah seperti mengusahakan perniagaan bahkan lebih dari itu. Kerana mengusahakan taqwa bererti mengusahakan rezeki, menyelesaikan masalah hidup, menipudaya musuh, berusaha mendapatkan ilmu, akhlak, perpaduan, barakah serta pertolongan-pertolongan ghaib dari ALLAH. Bagi hamba-hamba yang tahu nilai janji ALLAH, mereka sangat berusaha merebutnya. Dan menagih janji ALLAH adalah satu kerja yang sangat besar pahala dan untungnya, di dunia dan di Akhirat. Ya, sesungguhnya hamba-hamba yang bijak akan merebutkan ini.

Siapa yang tidak mahu merebut tawaran-tawaran istimewa yang dibuat oleh ayahnya? Tentu anak yang paling bijaklah yang akan ghairah dengan tawaran yang dibuat. Manakala anak yang lemah hanya sanggup senyum dan jadi pemerhati saja pada perebutan yang berlaku!

Ya Pak Harto!

Saya katakan sekali lagi, memang bijak. Dia sanggup mengorbankan diri dan dasar perjuangannya demi merebut janji yang dijanjikan oleh ALLAH untuk akhir zaman dan pada orang-orang yang bertaqwa. Sebenarnya ha1 ini bukannya mudah untuk dilakukan oleh sebarang orang. Hanya orang-orang bijak, bersih hatinya, rela mengorbankan kepentingan dan dikehendaki oleh ALLAH saja yang dapat melakukannya. Maka janji ALLAH pun tertunai untuknya.

Lihatlah Indonesia akhir-akhir ini. Barakah sudah mula mengalir dari langit dan bumi. Pendeknya, Indonesia tenang-tenang saja, di waktu negara-negara lain termasuk Malaysia sedang dihempap krisis-krisis berat. Di kalangan badan-badan Islam pun, yang sebelum ini tidak pernah damai, namun sekarang sudah pun berbaik-baik terutamanya antara NU (Nahdhatul Ulama) dan Muhammadiah. Inilah petanda barakah sudah mula mengalir; hati-hati ditaut-

kan. Sedangkan hal ini bukan boleh dibuat-buat kalau ALLAH tidak bantu.

Apa rasa anda bilamana ada satu keluarga aman damai di waktu keluarga-keluarga lain sedang hiruk-pikuk bertengkar dan bergaduh sesamanya? Apa anda tidak cemburu dengan keluarga tersebut? Tentu juga anda akan mengakui keistimewaannya dan ingin tahu bagaimana ketuanya mengawal rumahtangganya.

Ya, Indonesia walaupun rakyatnya masih ramai yang miskin, namun ketenangan negaranya di akhir-akhir ini patut dipuji. Bahkan kedamaian itu sangat penting untuk melicinkan kerja-kerja membasmi kemiskinan di dalamnya. Apa ertinya anak-anak kaya-raya tetapi tinggal dalam rumah yang ibu ayahnya dan datuk neneknya meragam-ragam dan berkrisis?

Saya tidak nafikan adanya gangguan luar terhadap negara Indonesia ini. Cuma pada saya, gangguan luaran tidak menafikan kemuliaan sesebuah negara. Kemuliaan seseorang atau satu keluarga atau sebuah negara ialah kalau dia baik-baik saja, tenang-tenang saja. Kalau orang mengganggu, pun dia tetap tenang. Itu lebih-lebih lagi mulia. Biasanya kalau rumah yang stabil, gangguan luar mudah saja diatasi.

Memang dalam perjuangan, musuh tidak dapat dielak. Sebab orang-orang yang hasad dengki dan penentang-penentang kebenaran memang ramai di dunia ini. Kehebatan orang bertaqwa kerana dia dapat mempermain-mainkan dan dapat menipu serta menundukkan musuh-musuhnya. Walhal, orang yang tidak bertaqwa itu, sering musuhnyalah yang dapat menggagalkan cita-citanya: Sebab orang yang bertaqwa, ALLAH akan ajar dia bagaimana caranya menipudaya musuh-musuhnya. Kalau musuhnya menahan rezekinya, nanti ALLAH hantar rezeki dari sumber-sumber lain yang bukan saja musuh tidak dapat kesan, empunya diri pun tidak sangka rezeki itu boleh sampai padanya.

Sebenarnya, bukan senang hendak menenangkan hati

dan fikiran serta emosi pemimpin-pemimpin dan rakyat dalam sebuah negara besar. Kalau senang tentu dunia ini aman damai saja. Tetapi tengoklah kegawatan dunia kini. Lagi banyak persidangan oleh tokoh-tokoh negara dan dunia untuk menenangkan keadaan, nampaknya masalah makin menjadi-jadi.

Segala hati yang penuh dengan 1001 keinginan dan kepentingan dan segala kepala yang penuh dengan kepandaian dan putar belit itu amat sulit untuk disatukan. Hanya kuasa ALLAH saja yang boleh mengatasinya. ALLAH berfirman:

Kalau kamu belanjakan seluruh isi dunia untuk satukan hati-hati manusia, nescaya kamu tidak dapat melakukan. ALLAH-lah yang dapat menyatukan hati-hati mereka.

(Al Anfal: 63)

Macam mana caranya ALLAH menyatukan hati-hati? Tak usahlah kita tanya. Kita takkan faham. Yang jelas pada kita ialah orang-orang itu taat saja pada pemimpinnya. Suka saja dengan ketuanya. Maafkan kesalahannya, yakin kebenarannya, malu dan takut untuk tidak taat kepadanya. Al hasil, mereka sehati dan sefikiran untuk menjayakan wawasan perjuangan.

Sebaliknya seorang pemimpin yang dibiarkan oleh ALLAH, orang-orangnya benci dengan dia. Kasih sayang tidak ada. Di belakangnya, dia dicaci-cerca oleh orang-orangnya sendiri, apatah lagi rakyat umum. Kalau mereka buat baik pun kerana mengampu-ampu untuk meminta sesuatu. Kata-katanya tidak dipeduli bahkan diragui, lalu orang-orangnya masing-masing bertindak sendiri. Semuanya mempunyai kepentingan peribadi. Maka pecah-belah dan

kucar-kacirlah keadaan dalam kepimpinan negara. Ertinya, hiruk-pikuklah negara!

Ketenangan di Indonesia walaupun tidak 100%, namun sudah boleh dikatakan luar biasa, dibanding dengan keadaan di lain-lain bahagian dunia hari ini. Di Asia Tenggara ini saja, Indonesia mengatasi negara-negara lain. Di Thailand, kedengaran suara-suara tidak puas hati dengan pemimpin yang ada. Padahal Perdana Menteri baru saja diganti. Di Singapura, pemimpin-pemimpinnya ada masalah. Di Malaysia, penghinaan orang-orang politik kepada raja-raja baru saja selesai, itu pun belum sampai pada titik berhenti.

Dalam pada itu orang-orang politik yang sedang memerintah, berpecah-belah dan masing-masing sedang memasang jerat untuk memerangkap kawan politiknya, demi kepentingan peribadi. Lantaran inilah Dr. Mahathir menangguhkan pemilihan pucuk pimpinan di dalam UMNO. Dalam UMNO sendiri ada tiga puak yang terbesar. Puak Mahathir, puak Ghafar dan puak Musa Hitam. Manakala di Indonesia, Pak Harto sedang menerajui kabinet barunya yang kelihatan begitu jitu sekali. Orang-orang kristian tentu sakit hati juga dengan sikap Bapak Presiden itu. Tetapi tentu Bapak tahu bagaimana untuk memujuk anak-anaknya itu yang sudah diberi keistimewaan sekian lamanya.

Bahkan kiranya Bapak dapat tingkatkan lagi taqwa kepada ALLAH, orang-orang kristian bukan saja dapat dijinakkan, bahkan mungkin ALLAH jadikan mereka tertarik pula dengan Islam yang cantik, yang Bapak perjuangkan. Setidak-tidaknya mereka senang bernaung di bawah presiden Islam yang menjaga kebajikan semua rakyatnya. Bukankah ALLAH berjanji dengan pasti bahawa Dia akan menolong, mengajar, menyelesaikan masalah, memberi rezeki, mendatangkan barakah dari langit dan bumi, menipu musuh, mengampunkan dosa dan menerima doa. Siapa berani mengatakan ALLAH mungkir janji? Kecuali orang-orang yang tidak bertaqwa!

9

Perhatian Untuk Kristian

PEJUANG-PEJUANG kristian telah pernah berjaya di Indonesia. Lihatlah betapa ramai bangsa Indonesia yang telah memeluk kristian. Dan dapat disaksikan, berapa banyak gereja di Indonesia hari ini yang telah berjaya didirikan. Walhal Indonesia dulu bukanlah begitu keadaannya. Ertinya, anda berjaya untuk membawa kristian ke Timur ini. Umat Islam bukan saja tidak memberi halangan pada perjuangan anda, bahkan mereka memberi laluan yang begitu mudah untuk anda. Hingga kerana itu, agama Islam dan umatnya terpaksa menanggung berbagai-bagai kehinaan dan risiko di atas kejayaan agama anda. Dan anda pun yakin bahawa sekian lamanya ALLAH, Tuhan kita, berpihak kepada anda.

Maka demi keadilan ALLAH, setiap bangsa itu digilir-gilirkan jatuh dan bangunnya. ALLAH tidak membiarkan orang yang berjaya itu berjaya selama-lamanya. Kerana orang-orang yang gagal pun tidak dibiar selamanya gagal. Perhatikanlah perjalanan sejarah dunia. Bangsa-bangsa itu digilir-gilirkan kekuasaannya di dunia. Sunnatullah ini adalah ketetapan yang tidak mungkin ada kuasa yang boleh menghalangnya. Ia pasti terjadi. Kerana ia adalah janji ALLAH.

Hikmahnya ialah orang-orang yang sombong, dibuang kesombongannya. Manakala orang-orang yang lemah dan hina mendapat peluang untuk merasa kuat dan mulia.

Sebab mereka pun hamba ciptaan Tuhan juga. Masakan ALLAH tidak pedulikan rintihan dan harapan mereka. Jadi apa pendapat anda kalau dikatakan bahawa kurun ini adalah kurun untuk Islam? Islam akan bangkit kembali dam ia bermula dari Timur ini. Akan bangkit sebagaimana kebangkitan-kebangkitan yang pernah terjadi dalam sejarah. Bangkit melalui proses yang tidak terduga oleh akal biasa. Kerana ia adalah jadual yang ALLAH sendiri programkan. Kuasa ALLAH memang kuasa luar biasa yang tidak terjangkau oleh akal biasa.

Kalau bukan kuasa ALLAH, masakan Presiden Indonesia ini boleh melakukan segala yang dilakukannya. Bukankah tiada siapa menduga yang Bapak Presiden boleh jadi begitu? Masakan seorang Presiden mudah dimainkan oleh rakyatnya. Sungguh kalau bukan campurtangan ALLAH, apa yang berlaku tidak boleh berlaku di bumi Timur ini.

Jadi janganlah anda kesalkan umat Islam dan Bapak Presiden kerana kegiatan-kegiatan Islam yang mereka lakukan. Ia adalah Jadual ALLAH yang pasti berlaku. Anda tidak mungkin dapat menentang kehendak ALLAH. Anda pun tidak boleh kecil hati dengan ALLAH, kerana sudah lama Dia berpihak kepada anda mengikut keyakinan anda. Apa anda tidak senang dengan sebuah keadilan? Kalau anda tetap tidak setuju dengan taqdir, cuba anda tanya Tuhan, mengapa Dia menimpakan nasib buruk pada anda? Mungkin Tuhan akan berkata, “Supaya anda menilai kembali erti kebenaran.”

Ya, kebenaran yang haq itu bukan selamanya menang. Dia juga mengalami kalah dan menang, jatuh dan naik. Bila dia kalah, kekalahan itu tidak menafikan kebenarannya. Dan ukuran kebenaran bukan kepada kemenangan. Ya, kegagalan umat Islam selama ini bukanlah alasan untuk mengatakan Islam itu tidak benar! ALLAH mengatakan agama-Nya yang benar. Yang benar itu tetap benar dan yang benar itu pula tentunya bukan dua. Maka carilab kebenaran yang datang dari ALLAH. Moga-moga

ALLAH tidak akan mensia-siakan hamba-hamba yang mahukan kebenaran di sisi-Nya.

Moga-moga anda semua pandai menyesuaikan diri dengan perubahan yang sedang berlaku ini.

Sekian.

10

Terima Kasih Bapak Soeharto

SIAPA PUN tidak menduga bahawa Presiden Indonesia akan sudi turun ke Malaysia. Bagaikan seorang bapa sudi menziarahi rumah anaknya. Sedangkan selama ini, peristiwa demikian macam tidak mungkin berlaku. Ini satu lagi pengorbanan Pak Harto, mencemar duli untuk tunduk pada kehendak ALLAH. Supaya saling menjalin hubungan baik dan ukhuwah Islamiah sesama serumpun bangsa dan saudara se-Islam.

Lantaran itulah saya selitkan dalam buku ini ucapan terima kasih dan tahniah kepada Bapak Presiden, atas kejayaan Bapak mencipta satu sejarah ukhuwah Islamiah dengan negara Malaysia. Walaupun saya seorang yang kerdil saja untuk mengucapkan ini kepada seorang presiden, tetapi selaku seorang Islam, saya rasa berbesar hati dan gembira sekali atas datangnya Presiden Indonesia ke negara saya tercinta. Sekurang-kurangnya saya mewakili 10 ribu orang ahli Jemaah Arqam serta umum umat di Malaysia untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Bapak!

Sesungguhnya, kami merasakan hebatnya semangat Bapak dalam merealisasikan cita-cita perjuangan Islam. Hingga berlakulah perkara-perkara besar dan mengkagumkan. Sebab itu kedatangan Bapak ke Malaysia, memberikan kami semangat baru untuk lebih gigih memperjuangkan Islam, menegakkan hukum ALLAH. Supaya umat Is-

lam dapat bersatupadu untuk menjayakan satu perjuangan.

Alangkah indahnya kalau Indonesia dan Malaysia dapat menjadi saudara kembar, yang walaupun terpisah oleh sempadan geografi, namun hati berdekatan dan saling rindu-merindui. Lalu akan saling berdatangan menziarahi satu sama lain, hingga terasakan sempadan geografi itu seolah-olah tiada lagi. Hati yang terhubung erat telah membuatkan jarak pemisah hilang dari pandangan.

Bila Indonesia dan Malaysia kembali bersatu hati, kita akan kembali menjadi satu rumpun yang membesar yang di bawahnya umat Islam berpadu tenaga memegang satu cita-cita bersama, saling kuat-menguatkan demi tertegaknya kehidupan Islam. Umpama orang berjiran, kita akan saling memberi dan menerima, tolong-menolong dan kuat menguatkan. Ikatan itu membuatkan orang memandang kita lebih gagah dan musuh akan gerun untuk berhadapan dengan kita. Demikianlah keberuntungan yang akan diperolehi dari inspirasi yang ALLAH berikan kepada Presiden Soeharto ,kerana lawatannya ke Malaysia.

Hubungan dua hala yang dijadikan sebab .untuk bermulanya jalinan ukhuwah MALINDO ini, saya lihat sebagai satu yang cukup bijak. Sekiranya ianya dapat berjalan dengan baik, tentu ia akan memberi manfaat yang besar kepada semua pihak khususnya kepada rakyat di negara yang terlibat. Manfaat yang bersifat duniawi dan Ukhrawi, lahiriah dan maknawiah. Moga-moga ALLAH menjayakan niat-niat suci kedua-dua Ketua Negara ini.

Bila dua orang Ketua Negara jiran sudah semajlis, tentunya akan membawa wajah baru kepada corak politik di kedua-dua negara. Moga-moga akan saling kuat-menguatkan. Di dalam suasana kebangkitan Islam, tentu masing-masing mencari jalan bagaimana menyongsongnya, bersedia menerimanya dan, kalau boleh terlibat di dalamnya. ***Trend*** ini mesti diikuti, kerana arus kebangkitan itu cukup deras. Kalau kita menentangnya, barangkali kita hanyut di

dalamnya. Saya yakin pertemuan dua pemikir dan pemimpin besar itu akan membawa minda baru dalam pemerintahan, yang tentunya membawa kebaikan bersama untuk semua pihak.

Kami Darul Arqam, berbahagia dengan kebaikan yang akan diperjuangkan dan berdoa moga-moga ALLAH membantu setiap kebaikan dan ALLAH gagalkan setiap kejahatan.



Penutup

Doa Khusus Untuk Pak Harto

WAHAI TUHAN yang membolak-balikkan hati, Tuhan yang menggilir-gilirkan rasa senang dan susah dalam dada manusia. Tuhan yang mengilhamkan kebaikan dan kejahatan supaya manusia boleh memilih salah satu darinya. Ya ALLAH, jadikan hati Bapak Presiden Soeharto itu sentiasa di atas petunjuk dan pimpinan-Mu.

WAHAI TUHAN yang menetapkan hidup manusia di dunia adalah pergiliran ujian dan nikmat. Yang juga mentaqdirkan manusia suka dengan nikmat dan takut dengan azab. Ya ALLAH, jadikan Bapak Presiden Soeharto dapat bersyukur dengan nikmat dunia dan sabar dengan ujian duniawi supaya dia mendapat pahala sabar dan syukur yang sebesar-besarnya di Akhirat nanti.

WAHAI TUHAN Yang Maha Menyintai makhluk-Nya, yang terlalu kasih dan sabar dengan ragam hamba-hamba-Nya. Yang keampunan-Nya lebih besar dari kemurkaan-Nya. Ya ALLAH, jadikanlah Bapak Presiden Soeharto kenal dengan-Mu, rasa cinta pada-Mu dan menjadikan matlamat hidupnya hanya untuk-Mu.

YA ALLAH, di akhir zaman ini seperti yang Dikau janjikan, Islam akan bangun di Timur, maka jadikan kami berusaha untuk menagih janji-Mu ya ALLAH. Tapi untuk menjadi pembangun agama-Mu, kami amat perlukan ilmu,

kefahaman, metode melaksanakan, tenaga manusia, Wang, iman dan taqwa, dilindungkan dari kejahatan orang-orang yang anti Islam serta yang lain-lain lagi. Sedangkan itu semua adalah milik mutlak-Mu ya ALLAH. Maka berikanlah kami jalan untuk mendapatkan semua itu dan permudahkanlah kami untuk kebaikan, ya ALLAH! Apabila semua itu Dikau izinkan untuk kami, selamatkan pula kami dari bahaya-bahayanya seperti riyak, ujub, sombong, sumaah, pemarah, bakhil, dendam dan lain-lain wahai Tuhan! Kerana, tiada ertinya kejayaan kami di atas semua itu. Kemudian orang lain yang selamat dari dosa, sedangkan kami binasa kerana dosa-dosa batin serta akhlak-akhlak buruk itu.

WAHAI TUHAN, jadikanlah kami rakyat yang bertaqwa, yang dipimpin oleh pemimpin yang bertaqwa. Jadikan keluarga kami contoh kepada manusia. Jadikan musuh-musuh kami gagal dalam usaha mereka menghalang agama-Mu. Ya ALLAH, ya Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, mudah saja bagi-Mu untuk menjadikan apa yang kami pohon ini berlaku. Kasihanilah kami hamba-Mu, dalam kebaikan yang kami inginkan ini. Dan sesungguhnya kami yakin sekali ya ALLAH dengan kasih sayang dan pertolongan-Mu atas apa yang kami doakan ini. Dan ampunkanlah segala dosa-dosa kami.

MOGA-MOGA panjang umur Bapak Presiden Soeharto untuk menambah kebaikan pada diri, keluarga dan rakyat serta negaranya.

AMIN!

Lampiran I

BEBERAPA PETIKAN PIDATO PAK HART0 SEWAKTU MERASMIKAN PERSIDANGAN KTT NON-BLOK DI JAKARTA PADA 1 SEPTEMBER 1992

"...di masa silam, ibu kota kami bernama JAYAKARTA, yang ertinya tempat satu kemenangan yang besar..."

Mengenai Isu Bosnia

"...untuk tujuan itu, Dewan Keamanan PBB hendaknya menugaskan Sekjen, dengan kewenangan dan dukungan yang diperlukan. Kepada beliau perlu diberikan kesempatan untuk memainkan peranan yang aktif sebagai PENCIPTA KEAMANAN, bukan sekadar PENJAGA PERDAMAIAN..."

Mengenai Isu Bosnia-Somalia

"...jika kita tidak berbuat sesuatu, sejarah akan menyalahkan kita. Kerana kita telah gagal dalam melaksanakan salah satu tujuan utama dari gerakan iaitu memperkuat rasa solidaritas dan saling membantu antara sesama anggota Non Blok mahupun negara berkembang lainnya serta memberi pertolongan dan perlindungan bagi kaum yang tertekan dan tertindas. Kerana itu saya sungguh berharap agar konferensi ini dapat mencetuskan tekad yang kuat untuk menggalang upaya kita secara terpadu guna meringankan penderitaan rakyat di kedua negara tersebut..."

Mengenai Isu Timur Tengah - Palestina – Teluk

"...kerana sikap Israel yang terus-menerus negatif di meja perundingan. Sementara itu Israel tetap melanjutkan bahkan meningkatkan kebijakan dan tindakan penindasan, pencabulan hak milik, penahan serta pembunuhan terhadap rakyat Palestine..."

"...kiranya saatnya sudah tiba untuk menyembuhkan luka-luka akibat perang, mengatasi rasa permusuhan dan saling curiga dan untuk berpaling ke arah rujuk berdasarkan semangat murni solidaritas Non Blok dan UKHUWAH ISLAMIAH..."

"...Tidak ada bangsa yang dapat dibangunkan dari luar. 'Pembangunan satu bangsa adalah tanggungjawab bangsa itu sendiri. Kerana itu pembangunan suatu bangsa harus didasarkan kepada asas kemandirian nasional. Hal ini bererti bahawa bangsa yang membangun pertama-tama harus mengandalkan kemampuan nasional sendiri, kemampuan rakyatnya, kemampuan ahli-ahlinya..."

"Ini bererti bahawa bangsa yang membangun atas dasar kemandirian nasional mengutamakan peningkatan secara maksimal sumber daya manusia (sumber daya insan)...."

"...hakikat pembangunan adalah PEMBANGUNAN MANUSIA seutuhnya..."

"...Insya-ALLAH kita akan mampu meraih peluang yang terbuka. Dengan semuanya tadi marilah kita masuki era baru berdasarkan perdamaian abadi..."

"...Semoga Tuhan Yang Maha Kuasa, Yang Maha Pe-ngasih dan Yang Maha Penyayang, memberkati pekerjaan besar kita ini...."

Menurut Kompas (11/3/93) "...Pak Harto Ketua Gerakan Non Blok 1992-1995 secara eksplisit dipercaya oleh 88 negara-negara selatan yang tergabung...."

Lampiran II

SEDUTAN DAR1 BUKU "OTOBIOGRAFI *SOEHARTO-FIKIRAN UCAPAN DAN TINDAKAN SAYA"*

TERTARIK dengan perubahan Bapak Presiden kepada Islam, saya dengan izin ALLAH mendapat buku Otobiografi Soe-*harto – Fikirun, Ucapun dan Tindakan* Saya Buku ini ditulis oleh G. Dwipayana dan Ramadhan K.H. Lalu izinkan saya menyalin kembali sedikit dari kandungan buku tersebut, yang sesuai sekali untuk membenarkan dan menguatkan pendapat saya bahawa Bapak Presiden ini sedang mengikut Jadual ALLAH.

A. Sekilas **tentang Soeharto** (lihat hal. ix-x)

. . ..Soeharto kecil bukanlah seorang anak bangsawan yang telah dipersiapkan oleh orang tuanya untuk jadi pemimpin bangsa. Ia juga bukan anak yang mempunyai pertanda seorang calon pemimpin ketika dilahirkan. Ia adalah seorang ANAK DESA belaka yang lahir dari keluarga **petani miskin.** Sisi-sisi inilah yang antara lain diungkapkan oleh Presiden Soeharto di dalam otobiografinya ini.

Si kecil Soeharto lahir dari keluarga petani miskin di desa Kemusuk sebelah selatan Kota Jogyakarta, yang kemudian sejak umur 8 tahun diasuh oleh paman dan bibinya, Bapak dan

Ibu Prawirowihardjo. Terpaan-terpaan hidup yang selalu menghadang di hadapan si kecil ini membuat dirinya menjadi pemuda mandiri yang tumbuh berkembang untuk dapat menebus cita-cita hidupnya.

... ia menyelesaikan pendidikan dasar dan menengahnya. Tanpa rendah diri atau malu ia bersekolah tanpa memakai alas kaki dan berpakaian seadanya. Sementara pendidikan agama Islam telah mengukuhkan... dalam menempuh segala cubaan hidup. Filsafat hidup Jawa yang berakar dalam lingkungan keluarganya juga menumbuhkan pengertian yang dalam mengenai kehidupan dalam masyarakat. Oleh sebab itulah semua kesengsaraan hidup dihadapi dengan ketegaran dan kemandirian agar sesuatu yang dicita-citakan dapat diraih.

Karir pekerjaannya juga berjalan tidak mulus. Selepas sekolah ia mulai bekerja sebagai pegawai Bank Desa. Tetapi pekerjaan.... terpaksa dilepaskan . . . . ia tak ingin membebani lagi paman dan bibinya yang serba terbatas. Kerana suasana perang dunia, membuat pemerintah penjajah waktu itu banyak memberi kesempatan kepada pemuda-pemuda Indonesia untuk menjadi tentera. Pemuda Soeharto tidak melewatkan kesempatan itu. Ia mendaftar diri dan diterima....

B. Keyakinannya kepada kerohanian (kebatinan)
(lihat hal. 3 1 l-3 14)

. . ..Bagi saya, pengertian mistik adalah ilmu kebatinan, bukan klenik. Tujuan ilmu kebatinan ialah mendekatkan batin kita dengan Pencipta kita, Tuhan Yang Maha Kuasa.

Sesuai dengan peninggalan nenek moyang kita, ilmu kebatinan itu adalah untuk mendekatkan diri kita kepada Tuhan, mendekatkan batin kita kepada-Nya.

. ..Orang kadang-kadang salah kaprah, mengira ilmu kebatinan itu adalah ilmu klenik.

. ..Agama itu mengajarkan supaya kita dekat kepada Tuhan. Percaya kepada Tuhan, takwa, berarti tunduk, patuh kepada perintah Tuhan menjauhi larangan-larangan-Nya.

Kepercayaan kita pun sesuai dengan agama yang demikian yakni bahawa Tuhan itu ada sekalipun tidak berwujud. Jadi, ini soal keyakinan. Tidak hanya orang yang beragama saja yang percaya, berdasarkan iman bahawa Tuhan itu ada.

. ..Memang. yang menciptakan alam semesta dengan segala isinya itu adalah Tuhan. Ada yang bertanya mengenai Tu-

han itu, bagaimana? Di mana tempat-Nya? Tuhan itu memang tidak berwujud, tidak berbentuk.

Tempatnya? *Adoh tan wangenan, cedhak tan senggolan,* yang artinya jauh tiada batasnya, dekat, namun tidak dapat disentuh.

Lantas, apa yang harus kita yakini tentang adanya Tuhan itu? Yang hams kita yakini adalah sifatnya. Sifat Tuhan adalah Maha Sempurna...

. ..Kalau kita bisa berbuat baik, itu berarti kita ini dekat kepada Tuhan, dengan sifat Tuhan yang baik itu. Dalam rangka mendekatkan diri, mengelola batin supaya dekat dengan Tuhan...

. ..Ini bedanya. Tuhan itu sifatnya baik. Tetapi pada manusia bukan sifatnya baik saja yang ada, melainkan juga ada yang bertentangan dengan itu. Misalnya sabar itu baik. Tetapi pada manusia itu ada sifat berangasan, pemarah. Sifat jujur sifat yang baik. Tetapi pada manusia juga ada sifat tidak jujur, pembohong. Masalahnya sekarang, kalau ingin memperdalam kebatinan, ingin mendekatkan diri kepada Tuhan, berarti harus bisa mengendalikan dua sifat yang bertentangan yang ada pada manusia itu.

. ..Ilmu klenik adalah ilmu *kanuragan*, ilmu untuk mencari kesempurnaan hidup, tetapi batinnya bukan didekatkan kepada Tuhan melainkan hanya untuk *kandel tipising kulit*. Fisik saja. Jadi kebal senjata, kemudian sedikit mempunyai kekuatan lebih daripada yang lain. Dan itu memang bisa diperoleh dengan ilmu klenik. Ini juga ilmu. Tetapi hanya untuk kekuatan badan, bukan untuk kekuatan batin.

Mencari hubungan dengan Tuhan bukan hanya dengan alam fikiran kita, melainkan terutama dengan batin kita. Yang bisa berhubungan dengan-Nya, bukan fikiran kita, bukan fisik kita, melainkan batin kita.

Hubungan dengan-Nya tidak berwujud, melainkan melalui Nur-Nya...

. ..Dengan sembahyang menurut agama, itu memudahkan untuk bisa berhubungan dengan-Nya...

. ..Dan Tuhan itu Maha Pemurah memberikan yang baik kepada umatnya, Tuhan itu berhubungan dengan jiwa kita, dengan batin kita dengan sukma kita yang percaya kepada-Nya.

Jauh dekatnya Tuhan pada kita bergantung kepada keya-

kinan kita. Jauh bagi orang yang tidak selalu berusaha mendekatkan dirinya kepada-Nya. Dekat bagi orang yang selalu berusaha ke arah itu.

Orang yang selalu berbuat baik akan selalu dekat kepada Tuhan. Tetapi orang yang berbuat jahat, berbuat buruk, akan berjauhan dengan-Nya. Bukan Tuhan yang menjauhinya, tetapi manusia itu sendiri yang menjauhi Tuhan.

. ..Memang aliran kepercayaan bukan agama. Seharusnya orang dari aliran kepercayaan itu yang pasti adalah bahawa ia percaya kepada Tuhan...

. ..sebaiknya para pemimpin agama itu mengajak mereka yang telah percaya kepada Tuhan itu untuk mengikuti induk agama yang diakuinya. Dalam ha1 ini, peranan ulama dan pemimpin-pemimpin agamalah yang dapat berperan menyedarkan kaumnya lewat dakwah agama.

C. Nasihat Pak Harto kepada Prof. B.J. Habibie
(lihat hal. 456)

"Wang sing tansah eling, percaya mituhu marang kang murbeg dumadi, iku dadi oboring urip kang becik, sajatining becik..."

(Jadi, kita selalu harus eling, takwa kepada Tuhan, beriman. Jangan sampai berilmu, tetapi meninggalkan iman..."

Indeks